PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2012

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat

Meskipun persekitaran ekonomi global adalah mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.4% (S3 12: 5.3%), disokong oleh kekukuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Pada suku tersebut, pelaburan kekal teguh dan menjadi pendorong utama pertumbuhan. Pertumbuhan penggunaan swasta terus teguh walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan pada suku tersebut juga dibantu oleh eksport bersih yang mencatat kadar kemerosotan yang lebih kecil. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang bertambah baik pada suku keempat. Bagi tahun 2012 secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.6%.

Permintaan dalam negeri terus berkembang pada kadar 7.5% (S3 12: 11.4%) dengan pembentukan modal tetap kasar kekal kukuh dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 15% pada suku keempat (S3 12: 22.7%). Pelaburan sektor swasta meningkat sebanyak 20.2% (S3 12: 22.9%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam subsektor perkilangan berorientasikan pasaran dalam negeri dan perkhidmatan berkaitan pengguna, iaitu telekomunikasi, harta tanah dan penerbangan serta projek-projek dalam sektor minyak dan gas yang sedang dilaksanakan. Pelaburan juga disokong oleh penambahan kapasiti dalam kelompok perkilangan berkaitan sumber dan perbelanjaan modal dalam bidang-bidang pertumbuhan baharu seperti peralatan perubatan dan komunikasi. Pelaburan awam berkembang sebanyak 11.1% (S3 12: 22.4%), didorong oleh perbelanjaan modal perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, utiliti, minyak dan gas serta komunikasi.

Pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan 6.1% pada suku keempat (S3 12: 8.5%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh pertama tahun 2012 mencerminkan kesan daripada pelbagai bantuan Kerajaan kepada sektor isi rumah yang diberikan pada tempoh tersebut. Penggunaan awam meningkat sebanyak 1.1% (S3 12: 2.3%), disebabkan oleh perbelanjaan yang berterusan untuk emolumen meskipun perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan lebih rendah.

Dari segi penawaran, pertumbuhan kebanyakan sektor ekonomi bertambah baik pada suku keempat. Pertumbuhan dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan selain disokong oleh permintaan dalam negeri dan juga persekitaran luaran yang beransur-ansur baik. Sektor pertanian berkembang dengan lebih cepat berikutan pengeluaran minyak sawit mentah dan hasil ternakan ayam itik yang lebih tinggi, manakala pertumbuhan sektor perlombongan pula kembali pulih berikutan pengeluaran gas asli yang meningkat semula. Pertumbuhan sektor pembinaan pula terus

teguh, didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menjadi sederhana kepada 1.3% pada suku keempat (S3 12: 1.4%), mencerminkan inflasi kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* yang lebih rendah.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM22.8 bilion pada suku keempat, bersamaan dengan 6.6% daripada PNK disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar serta defisit perkhidmatan dan pembayaran pendapatan bersih yang lebih rendah. Sementara itu, akaun kewangan terus mencatat aliran keluar sebanyak RM9.0 bilion memandangkan aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio bersih telah diimbangi oleh peningkatan dalam pelaburan langsung di luar negeri. Berikutan itu, keseluruhan imbangan pembayaran bertukar arah untuk mencatat lebihan sebanyak RM5.9 bilion (S3 12: -RM7.5 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM427.1 bilion (bersamaan dengan USD139.7 bilion) pada 31 Disember 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Januari 2013, rizab berjumlah RM428.6 bilion (bersamaan dengan USD140.2 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 3.00% pada suku keempat 2012. Pada paras OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatifnya stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah.

Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53% manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menjadi sederhana sedikit kepada 5.52% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 5.55%).

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal terus mampan pada RM262.5 bilion (S3 12: RM272.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 12.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 12.8%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku keempat adalah lebih tinggi pada RM37.7 bilion (S3 12: RM28.7 bilion). Sebahagian besar dana yang diperoleh sektor swasta adalah melalui terbitan PDS baharu. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM20.1 bilion (S3 12: RM18.3 bilion). Dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku itu adalah sebanyak RM17.6 bilion (S3 12: RM10.4 bilion).

Agregat monetari berkembang dengan lebih sederhana pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM15.4 bilion pada tempoh tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.2% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 12: 12.3%). Wang secara luas atau M3 bertambah sebanyak RM15.2 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 12: 12.5%). M3 terus berkembang hasil daripada pemberian kredit yang berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Simpanan perolehan Kerajaan daripada aktiviti pengumpulan dananya dan aliran keluar dana pada tempoh itu, bagaimanapun, telah menyebabkan kesan penguncupan ke atas wang secara luas.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS disokong oleh keyakinan pelabur

terhadap prospek pertumbuhan rantau ini, termasuk Malaysia. Ketidaktentuan terhadap perkembangan ekonomi di AS, bagaimanapun, telah mendorong sesetengah pelabur untuk menjual pemegangan aset pasaran sedang pesat membangun mereka, lantas mengimbangi sebahagian daripada penambahan nilai ringgit pada suku tersebut. Ringgit, secara keseluruhannya, menambah nilai sebanyak 0.3% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (11.1%) dan paun sterling (0.8%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.9%). Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau adalah bercampur-campur.

Antara 1 Januari hingga 18 Februari 2013, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (8.0%) dan paun sterling (3.0%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-1.3%) dan euro (-2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea sebanyak 0.2% dan dolar Singapura sebanyak 0.1% tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand dalam julat -0.9% hingga -3.6%.

Kestabilan kewangan berterusan

Kestabilan kewangan kekal mampan pada suku keempat dalam keadaan persekitaran global yang terus berdepan dengan cabaran. Keadaan kewangan yang stabil telah disokong oleh institusi kewangan yang kukuh dengan permodalan yang teguh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan lantas terus menyokong pengantaraan kewangan yang berkesan.

Dengan tahap permodalan yang teguh seperti ditunjukkan oleh nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko yang lebih baik masing-masing pada 13.4% (S3 12: 13.2%) dan 15.2% (S3 12: 14.9%), sektor perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan ekonomi dan kewangan. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 222.3% (S3 12: 218.6%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM22.5 bilion.

Ekonomi dalam negeri dijangka terus mencatat pertumbuhan, disokong permintaan dalam negeri yang kukuh dan persekitaran luaran yang beransur-ansur baik

Melangkah ke hadapan, terdapat tanda-tanda bahawa ekonomi global akan menjadi bertambah baik. Penunjuk ekonomi terkini juga menggambarkan prestasi pertumbuhan Asia yang semakin stabil. Namun, di sebalik perkembangan yang lebih menggalakkan ini, banyak lagi cabaran struktur yang masih wujud dalam ekonomi maju, yang boleh mengekang prospek pemulihan ekonomi yang lebih kukuh. Khususnya, beberapa ekonomi maju akan terus berusaha untuk menangani isu-isu berkaitan dengan kemampanan fiskal dan keadaan pasaran pekerja yang berterusan lemah. Bagi pasaran sedang pesat membangun, dasar monetari yang amat akomodatif yang terus dilaksanakan dalam ekonomi maju yang utama, memerlukan pengawasan teliti memandangkan kemungkinan terdapatnya kesan daripada lebihan mudah tunai global ke atas inflasi harga aset.

Bagi ekonomi Malaysia, aktiviti dalam negeri yang terus berkembang dijangka terus memacu pertumbuhan, disokong oleh pengembangan sektor swasta yang mampan. Keadaan luaran yang semakin stabil juga dijangka menyokong prospek pertumbuhan ekonomi negara.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2012

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Aktiviti ekonomi global sederhana

Pada suku keempat 2012, landskap ekonomi dunia dicirikan terutamanya oleh prestasi pertumbuhan yang tidak seimbang antara rantau maju dengan rantau sedang pesat membangun. Pertumbuhan ekonomi maju utama semakin lemah, manakala pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun pula bertambah baik. Aktiviti ekonomi dalam beberapa ekonomi maju dibendung oleh kebimbangan terhadap kemampanan fiskal, manakala kelembapan di Jepun sebahagiannya disebabkan oleh prestasi eksport yang lemah. Di Asia, momentum pertumbuhan meningkat pada kadar yang sederhana dalam keadaan pengeluaran dan permintaan serantau yang semakin kukuh, terutamanya menjelang akhir suku itu. Beberapa bank pusat utama telah melaksanakan langkah pelonggaran untuk terus menyokong aktiviti ekonomi dan merangsang sentimen.

Meskipun keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa masih tidak menentu pada suku keempat, tahap ketidaktentuan tersebut berkurang dengan nyata daripada paras tinggi yang dicatat pada suku kedua 2012. Pasaran kewangan terjejas oleh perkembangan di Eropah dan isu cenuram fiskal (fiscal cliff) yang dijangka berlaku di Amerika Syarikat (AS). Pada awal suku keempat, kesanggupan mengambil risiko pada mulanya terjejas oleh ketidaktentuan dalam pilihan raya presiden AS. Perhatian pelabur kemudiannya tertumpu semula pada isu cenuram fiskal di AS yang semakin membimbangkan. Penangguhan pemberian bantuan kewangan yang selanjutnya kepada Greece, di samping pengumuman data ekonomi yang lemah di kawasan euro menyebabkan berlakunya lagi penghindaran risiko dan turun naik yang lebih ketara dalam pasaran kewangan pada pertengahan bulan November. Dalam tempoh berikutnya pada suku itu, sentimen pasaran secara amnya bertambah baik berikutan persetujuan mengenai pakej bantuan untuk Greece dan kemajuan selanjutnya yang dicapai dalam penyelesaian krisis hutang Eropah. Khususnya, kelulusan rangka kerja untuk satu mekanisme penyeliaan tunggal yang tertumpu pada Bank Pusat Eropah (European Central Bank, ECB) pada awal Disember merupakan satu langkah penting untuk mewujudkan kesatuan perbankan di kawasan euro. Walau bagaimanapun menjelang akhir tahun, ketidaktentuan mengenai hasil rundingan isu cenuram fiskal AS yang muncul semula menyebabkan turun naik yang tinggi dalam tempoh yang singkat. Keadaan ini kemudiannya kembali tenang apabila sentimen yang positif terhadap pencapaian hasil penyelesaian dalam isu fiskal mengatasi kebimbangan sebelum ini.

Pertumbuhan ekonomi AS menjadi sederhana pada suku keempat (1.5%; S3 12: 2.6%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim pula, ekonomi telah menguncup sebanyak 0.1% (S3 12: 3.1%). Aktiviti ekonomi terjejas oleh gangguan sementara aktiviti ekonomi akibat dilanda Taufan Sandy pada akhir bulan Oktober dan ketidaktentuan isu fiskal pada bulan Disember. Selepas mencatat pertumbuhan yang sangat pesat pada S3 12 (11.1%), pelaburan dalam negeri swasta telah menjadi sederhana kepada kadar pertumbuhan yang lebih wajar sebanyak 3.1% disebabkan terutamanya oleh inventori dan pelaburan dalam struktur yang lebih rendah. Perbelanjaan Kerajaan merupakan faktor penting yang telah menyebabkan pertumbuhan merosot (-1.7%; S3 12: -0.5%), berikutan pengurangan yang lebih besar dalam perbelanjaan pertahanan. Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang sederhana, disokong oleh peningkatan dalam pertumbuhan pendapatan peribadi dan pewujudan peluang pekerjaan yang lebih tinggi sebanyak 603,000 pekerjaan (S3 12: 456,000). Pelaburan dalam harta kediaman terus kukuh, disokong oleh pemulihan harga dan jualan dalam pasaran perumahan.

Penilaian keseluruhan menunjukkan bahawa ekonomi AS terjejas teruk oleh faktor-faktor sementara pada suku itu, manakala pemulihan yang sederhana akan berterusan. Sementara itu, inflasi meningkat lebih tinggi kepada 1.9% (S3 12: 1.7%), disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan perumahan yang telah mengatasi kenaikan yang secara relatif mendatar dalam harga petrol.

Kawasan euro terus mengalami kemelesetan dengan mencatat pertumbuhan suku tahunan yang negatif untuk kali ketiga berturut-turut (-0.6%; S3 12: -0.1%). Pada asas tahunan, KDNK merosot sebanyak -0.9% (S3 12: -0.6%). Penguncupan aktiviti ekonomi disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang merosot dalam keadaan ketidaktentuan yang ketara berikutan krisis hutang kerajaan dan persekitaran global yang lemah yang menjejaskan prestasi eksport. Aktiviti ekonomi di negara-negara yang dilanda krisis terus lemah, terjejas oleh langkah penjimatan fiskal, pengangguran yang lebih tinggi, sentimen yang negatif dan pemberian pinjaman bank yang lembap. Buat pertama kalinya Jerman mencatat penguncupan sejak suku keempat 2011 disebabkan oleh eksport dan pembentukan modal tetap kasar yang lemah yang memberikan kesan terhadap pertumbuhan. Inflasi menjadi sederhana sedikit kepada 2.3% (S3 12: 2.5%) dalam keadaan harga tenaga yang lebih rendah.

Pertumbuhan di UK menguncup pada asas suku tahunan (-0.3%; S3 12: 0.9%), apabila rangsangan sementara terhadap aktiviti ekonomi hasil daripada penganjuran Sukan Olimpik di negara itu telah berkurang. Pada asas tahunan, pertumbuhan ekonomi adalah lemah pada 0.1% (S3 12: 0.1%). Pertumbuhan yang lemah itu disebabkan oleh kemerosotan dalam sektor pengeluaran dan pertumbuhan yang mendatar dalam sektor perkhidmatan. Dalam sektor pengeluaran, penguncupan dalam sektor perlombongan dan kuari sebahagiannya disebabkan oleh kerja-kerja penyelenggaraan telaga minyak Laut Utara yang terbesar di UK, yang telah mengurangkan pengeluaran minyak dan gas pada suku itu. Aktiviti perkilangan merosot disebabkan oleh permintaan dalam dan luar negeri yang lemah. Di samping itu, permintaan dalam negeri terus terjejas oleh langkah penjimatan fiskal yang berterusan, keadaan pasaran pekerja yang lemah dan keyakinan yang rendah. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 2.7% (S3 12: 2.4%), berikutan peningkatan yang menyeluruh dalam kebanyakan komponen.

Di Jepun, pertumbuhan kekal lemah pada 0.3% (S3 12: 0.4%) disebabkan oleh kekukuhan permintaan dalam negeri yang menurun sedikit dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah. Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi terus menguncup pada kadar yang lebih perlahan (-0.4%, S3 12: -3.8%). Eksport terus mencatat kemerosotan sebanyak -5.7% (S3 12: -4.9%), disebabkan oleh aktiviti perdagangan yang terjejas oleh permintaan global yang lebih rendah untuk peralatan jentera. Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah menjadi sederhana disebabkan oleh upah purata yang terus merosot, sekali gus menjejaskan perbelanjaan pengguna. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kemerosotan yang ketara dalam jualan kereta berikutan tamatnya tempoh subsidi untuk kenderaan jimat tenaga pada bulan September. Ekonomi terus mengalami deflasi kerana harga pengguna keseluruhan (tidak termasuk makanan segar) menurun sebanyak -0.1% (S3 12: -0.2%) berikutan penurunan harga barangan tahan lama di tengah-tengah kenaikan harga tenaga yang lebih perlahan.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	4.1	1.8	3.1	-0.1[a]	2.2
Jepun[1]	0.3	-0.6	-3.8[d]	-0.4[p]	1.9[p]
Kawasan euro	0.6	1.5	-0.6	-0.9[p]	-0.5[p]
UK	0.6	0.9	0.1	0.1[p]	0.0[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari dalam ekonomi maju kekal akomodatif pada suku keempat. Di AS, Federal Open Market Committee (FOMC) mengekalkan kadar federal funds pada 0-0.25%. FOMC mengumumkan bahawa pendirian dasar monetari yang sangat akomodatif akan kekal wajar selagi kadar pengangguran melebihi 6.5% dan inflasi di bawah 2.5%. FOMC juga mengumumkan bahawa pembelian sekuriti agensi yang bersandarkan gadai janji akan diteruskan dengan jumlah USD40 bilion sebulan dan program lanjutan untuk tempoh kematangan akan digantikan dengan pembelian secara terus (outright purchase) bil-bil perbendaharaan jangka panjang dalam jumlah permulaan sebanyak USD45 bilion sebulan. Di kawasan euro, ECB memutuskan untuk mengekalkan kadar faedah pada 0.75%. Melalui program Outright Monetary Transaction, Majlis Tadbir Urus terus komited untuk memelihara kesatuan monetari dan memastikan transmisi pendirian dasar yang wajar kepada ekonomi benar. Tindakan ECB, bagaimanapun, akan bergantung pada komitmen kerajaan-kerajaan yang terlibat untuk mencapai sasaran fiskal. Bank of England mengekalkan kadar dasar utamanya pada 0.5% dan saiz program pembelian aset pada £375 bilion. Bank of Japan (BoJ) juga mengekalkan kadar dasar semalaman dalam julat 0-0.1%. Walau bagaimanapun, program pembelian aset BoJ telah meningkat kira-kira ¥21 trilion kepada ¥101 trilion. BoJ juga mengumumkan akan menyediakan jumlah tanpa had untuk dana jangka panjang kepada institusi kewangan pada kadar faedah yang rendah dalam usaha untuk merangsang pinjaman bank. Pada Januari 2013, BoJ memperkenalkan sasaran kestabilan harga sebanyak 2% dan 'kaedah pembelian aset secara terbuka' di bawah Program Pembelian Aset untuk mengatasi deflasi dan merangsang pertumbuhan.

Di Asia, pertumbuhan dalam kebanyakan ekonomi meningkat pada kadar yang sederhana pada suku keempat. Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan di rantau ini, terutamanya di ASEAN, yang telah mengimbangi sebahagian daripada permintaan luar negeri yang lemah. Kekukuhan permintaan dalam negeri disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pendapatan yang mampan dan akses kepada kredit yang berterusan. Peningkatan dalam prestasi pertumbuhan di beberapa ekonomi juga sebahagiannya disebabkan oleh pemulihan dalam permintaan serantau. Ekonomi RR China berkembang sebanyak 7.9% (S3 12: 7.4%), disokong sebahagiannya oleh peningkatan dalam perbelanjaan infrastruktur. Di Filipina dan Indonesia, aktiviti ekonomi kekal berdaya tahan (masing-masing 6.8% dan 6.1%, S3 12: masing-masing 7.2% dan 6.2%), dengan pertumbuhan yang berterusan dalam penggunaan, pelaburan dan eksport. Pertumbuhan di China Taipei berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 3.4% (S3 12: 1.0%) disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang kembali pulih dan peningkatan dalam eksport. Pertumbuhan dalam ekonomi Korea kekal stabil pada 1.5% (S3 12: 1.5%), apabila peningkatan dalam penggunaan swasta diimbangi oleh penurunan yang lebih besar dalam pelaburan. Di Singapura, pertumbuhan meningkat kepada 1.1% (S3 12: 0%), disokong oleh pengembangan dalam sektor perkhidmatan, manakala sektor perkilangan terus mengalami penguncupan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	8.9	9.3	7.4	7.9[p]	7.8[p]
Filipina	4.0	3.9	7.2[d]	6.8	6.6
Indonesia	6.5	6.5	6.2	6.1	6.2
China Taipei	1.2	4.1	1.0	3.4[a]	1.3[a]
Korea	3.3	3.6	1.5	1.5[p]	2.0[p]
Singapura	3.6	5.0	0.0	1.1[a]	1.2[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Kecuali RR China, Korea dan Thailand, inflasi keseluruhan menjadi sederhana dalam kebanyakan ekonomi, berikutan harga komoditi yang stabil. Kenaikan harga di RR China dan Korea sebahagian besarnya disebabkan oleh harga makanan yang lebih tinggi, terutamanya sayur-sayuran ekoran musim sejuk yang melampau. Di Thailand, kenaikan inflasi mencerminkan sebahagiannya kadar kenaikan harga tenaga yang lebih cepat. Dalam kebanyakan ekonomi, inflasi teras kekal stabil. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, beberapa bank pusat serantau terus melaksanakan pelonggaran dasar monetari untuk mengimbangi kesan kelemahan dalam sektor luaran. Pada bulan Oktober, Bank of Thailand dan Bangko Sentral ng Pilipinas menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak 25 mata asas, masing-masing kepada 2.75% dan 3.50% untuk memberikan sokongan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Bank of Korea juga mengurangkan kadar faedah tanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Bank-bank pusat lain di Asia telah mengekalkan kadar dasar utama pada suku itu. Pada Januari 2013, Reserve Bank of India telah mengurangkan kadar dasar reponya sebanyak 25 mata asas kepada 7.75% untuk menyokong pertumbuhan dalam keadaan tekanan inflasi yang lebih rendah. Nisbah rizab tunai juga telah dikurangkan sebanyak 25 mata asas kepada 4.00% bagi meningkatkan mudah tunai dalam sistem perbankan. Beberapa pihak berkuasa telah menyatakan bahawa terdapat tanda-tanda penstabilan dalam persekitaran ekonomi global, namun tetap berwaspada terhadap risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi lebih perlahan.

Harga minyak mentah[1] berada pada purata USD110.11 setong pada suku keempat (S3 12: USD109.42). Tekanan menaik terhadap harga minyak yang disebabkan oleh gangguan bekalan sebahagiannya telah diimbangi oleh kebimbangan yang berpunca daripada dasar fiskal AS. Ketegangan yang meningkat di beberapa negara Timur Tengah dan penutupan telaga minyak di Laut Utara untuk tujuan penyelenggaraan mengakibatkan kenaikan harga minyak pada awal suku itu. Selepas itu, ketegangan yang semakin reda di Timur Tengah dan pulihnya bekalan dari Laut Utara menyebabkan harga menurun kepada paras terendah dalam tempoh tiga bulan. Pada akhir suku itu, harga berubah-ubah dalam julat yang kecil disebabkan oleh tindak balas pasaran terhadap gabungan pelbagai faktor. Pengumuman data ekonomi yang lebih baik dari RR China telah memberikan sokongan menaik kepada harga minyak, tetapi diimbangi sedikit oleh kesan ketidaktentuan dalam dasar fiskal di AS. Pada akhir Disember 2012, harga minyak mentah ditutup pada USD111.11 setong.

Mata wang utama secara amnya tidak berubah berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Walau bagaimanapun, pergerakan mata wang ini menunjukkan trend yang berbeza-beza pada pertengahan suku keempat berikutan perkembangan di kawasan euro. Pada separuh pertama suku itu, spekulasi mengenai langkah bantuan penyelamat yang menyeluruh di Sepanyol dan kemudiannya penangguhan pemberian bantuan kewangan yang selanjutnya kepada Greece menyebabkan penghindaran risiko meningkat dan memberikan kesan kepada prestasi euro. Walau bagaimanapun, trend ini telah berubah arah pada akhir bulan November berikutan termeterainya perjanjian untuk pemberian bantuan penyelamat yang selanjutnya berjumlah €44 bilion kepada Greece. Menjelang akhir suku itu, perjanjian untuk menjadikan ECB sebagai penyelia secara terus kepada bank-bank utama di Eropah turut menyebabkan sentimen pasaran menjadi bertambah baik. Sebaliknya, yen Jepun terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya oleh aktiviti ekonomi yang lebih lemah. Yen menjadi lebih lemah berikutan janji kerajaan Jepun yang baru dipilih untuk melaksanakan pelonggaran fiskal dan

[1] Merujuk kepada niaga hadapan satu bulan Brent di Intercontinental Exchange (ICE)

monetari yang lebih agresif bagi menyokong pertumbuhan. Mata wang Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh kesanggupan mengambil risiko yang bertambah baik berikutan langkah-langkah dasar yang menggalakkan telah dilaksanakan dalam ekonomi maju. Yang ketara ialah komitmen Federal Reserve di AS untuk terus melaksanakan pelonggaran monetari yang akomodatif, ditambah pula dengan kemajuan yang lebih baik ke arah penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah, telah meningkatkan minat pelabur terhadap aset-aset yang berhasil tinggi. Penambahan nilai peso Filipina turut disokong oleh pengumuman bahawa negara itu berada pada landasan yang betul untuk menerima penarafan gred pelaburan buat kali pertama. Rupiah Indonesia, bagaimanapun, menyusut nilai lantaran kebimbangan terhadap kelemahan dalam kedudukan akaun luarannya.

Melangkah ke hadapan, terdapat tanda-tanda bahawa ekonomi global akan menjadi bertambah baik. Penunjuk ekonomi terkini juga menggambarkan prestasi pertumbuhan Asia yang semakin stabil. Namun, di sebalik perkembangan yang lebih menggalakkan ini, banyak lagi cabaran struktur yang masih wujud dalam ekonomi maju, yang boleh mengekang prospek pemulihan ekonomi yang lebih kukuh. Khususnya, beberapa ekonomi maju akan terus berusaha untuk menangani isu-isu berkaitan dengan kemampanan fiskal dan keadaan pasaran pekerja yang berterusan lemah. Bagi pasaran sedang pesat membangun, dasar monetari global yang amat akomodatif yang terus dilaksanakan oleh ekonomi maju utama memerlukan pengawasan yang teliti memandangkan kemungkinan wujudnya kesan daripada mudah tunai global yang berlebihan ke atas inflasi harga aset.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.4% pada suku keempat 2012 (S3 12: 5.3%), disokong oleh kekukuhan dalam permintaan dalam negeri yang berterusan. Pelaburan secara keseluruhannya kekal teguh dan menjadi pendorong utama pertumbuhan. Pertumbuhan penggunaan swasta terus teguh walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Eksport barangan dan perkhidmatan bersih terus menguncup pada suku keempat, tetapi pada kadar yang lebih kecil. Ini mencerminkan penguncupan dalam import berikutan import barangan pengantara yang merosot dan import barangan penggunaan yang lebih rendah.

Memandangkan penguncupan eksport bersih lebih kecil dan pertumbuhan permintaan dalam negeri adalah mampan, KDNK keseluruhan meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada suku keempat. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku tersebut.

Permintaan dalam negeri berkembang dengan sederhana

Permintaan dalam negeri terus berkembang pada kadar 7.5% pada suku keempat 2012 (S3 12: 11.4%). Pembentukan modal tetap kasar dan jumlah penggunaan kekal kukuh walaupun kadar pertumbuhan lebih sederhana.

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan 6.1% pada suku keempat (S3 12: 8.5%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan sentimen pengguna yang menggalakkan. Pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh pertama tahun 2012 mencerminkan kesan daripada pelbagai bantuan Kerajaan kepada sektor isi rumah yang diberikan pada tempoh tersebut. Penggunaan awam meningkat sebanyak 1.1% (S3 12: 2.3%), disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang berterusan untuk emolumen meskipun perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan lebih rendah.

Pembentukan modal tetap kasar terus kukuh dan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 15% pada suku keempat (S3 12: 22.7%). Pelaburan swasta meningkat sebanyak 20.2% (S3 12: 22.9%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam subsektor perkilangan berorientasikan pasaran dalam negeri dan perkhidmatan berkaitan pengguna, iaitu telekomunikasi, harta tanah dan penerbangan. Pelaksanaan projek yang berterusan dalam sektor minyak dan gas merupakan perangsang utama kepada aktiviti pelaburan. Pelaburan juga dibuat untuk menambah kapasiti kelompok perkilangan berkaitan sumber selain disalurkan ke dalam bidang-bidang pertumbuhan baharu

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	10.4	8.2	11.4	7.5	10.6
Penggunaan	11.1	8.9	7.3	4.8	7.1
Sektor swasta	*7.3*	*7.1*	*8.5*	*6.1*	*7.7*
Sektor awam	*22.9*	*16.1*	*2.3*	*1.1*	*5.0*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.4	6.5	22.7	15.0	19.9
Sektor swasta	*18.8*	*12.2*	*22.9*	*20.2*	*22.0*
Sektor awam	*1.9*	*-0.3*	*22.4*	*11.1*	*17.1*
Eksport Bersih	-10.5	-7.4	-50.3	-5.9	-29.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*5.5*	*4.2*	*-3.0*	*-1.5*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.8*	*6.2*	*4.4*	*-0.9*	*4.5*
KDNK	**5.2**	**5.1**	**5.3**	**6.4**	**5.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keyakinan pengguna terus bertambah baik



Sumber: MIER

seperti peralatan perubatan dan komunikasi. Pelaburan awam berkembang sebanyak 11.1% (S3 12: 22.4%), didorong oleh perbelanjaan modal perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, utiliti, minyak dan gas serta komunikasi. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan kemudahan awam.

Pertumbuhan lebih tinggi dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, pertumbuhan kebanyakan sektor ekonomi bertambah baik pada suku keempat 2012. Pertumbuhan dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan disokong oleh permintaan dalam negeri dan juga persekitaran luaran yang beransur-ansur baik. Sektor pertanian berkembang pada kadar yang lebih cepat berikutan pengeluaran minyak sawit mentah dan hasil ternakan ayam itik yang lebih tinggi, manakala pertumbuhan sektor perlombongan pula kembali pulih berikutan pengeluaran gas asli yang meningkat semula. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan terus teguh, didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman.

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.3% pada suku keempat (S3 12: 7%), dengan aktiviti berkaitan penggunaan dan perkilangan menyumbang kepada pertumbuhan. Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang dengan lebih perlahan pada 2.2% (S3 12: 4.4%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan segmen borong yang lebih sederhana memandangkan perdagangan borong keluaran komoditi adalah lebih perlahan, manakala segmen runcit terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan penggunaan yang positif. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan perdagangan dan perkilangan lebih tinggi disebabkan oleh pengeluaran dalam negeri yang lebih kukuh dan persekitaran luaran yang beransur-ansur baik. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan meningkat sebanyak 4.4% (S3 12: 3.6%) dan subsektor utiliti juga mencatat pertumbuhan (4.1%; S3 12: 3.8%). Subsektor kewangan dan insurans berkembang sebanyak 10.9% (S3 12: 11.8%), didorong oleh aktiviti pemberian pinjaman bank dan peningkatan dalam pungutan premium insurans.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	6.9	5.9	0.5	5.6	0.8
Perlombongan	-3.8	-5.7	-1.2	4.3	1.4
Perkilangan	5.2	4.7	3.3	5.8	4.8
Pembinaan	7.5	4.6	18.3	18.1	18.5
Perkhidmatan	6.6	7.0	7.0	6.3	6.4
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.2**	**5.1**	**5.3**	**6.4**	**5.6**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**1.8**	**5.1**	**3.3**	**2.9**	**5.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2011 (%)	2011		2012		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.6**	**6.5**	**6.2**	**8.9**	**8.3**	**7.4**
Kewangan & insurans	17.0	7.1	6.5	11.8	10.9	7.9
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.0	4.4	5.5	7.5	6.5	7.1
Pengangkutan & penyimpanan	6.8	6.0	5.4	3.6	4.4	4.9
Komunikasi	6.8	8.8	7.6	9.1	8.5	9.1
Perkhidmatan Akhir	**59.4**	**6.7**	**7.5**	**5.7**	**5.0**	**5.7**
Perdagangan borong & runcit	26.6	6.8	7.1	4.4	2.2	4.6
Penginapan & restoran	4.5	6.3	6.0	4.0	4.7	5.4
Utiliti	4.7	3.6	3.1	3.8	4.1	4.3
Perkhidmatan Kerajaan	14.3	10.4	12.4	11.0	11.4	9.6
Perkhidmatan lain	9.4	2.5	4.7	3.8	3.3	3.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**6.6**	**7.0**	**7.0**	**6.3**	**6.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2011			2012		
	S3	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	108.7	106.3	107.8	118.3	118.7	116.6
Indeks Perdagangan Runcit MIER	150.0	92.6	115.6	130.2	94.8	107.4
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	115.2	126.0	119.9	129.9	129.8	125.6
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	4.7	5.4	0.6	-2.2	2.9	1.3
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	10.8	7.0	10.6	2.9	8.6	4.9
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	8.5	9.5	9.5	7.6	7.1	7.1
Jumlah pinjaman terkumpul	13.8	13.6	13.6	11.9	10.4	10.4
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	9.6	11.5	11.5	11.7	12.2	12.2
Import barangan penggunaan	26.4	25.2	19.0	11.4	5.7	11.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	0.6	-1.5	-0.9	2.7	13.1	4.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.8	11.5	11.3	1.7	0.4	3.4

Sumber: Pelbagai sumber

Pertumbuhan sektor perkilangan lebih tinggi pada suku keempat sebanyak 5.8% (S3 12: 3.3%). Pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan kesemua kelompok dalam sektor ini mencatat pertumbuhan lebih baik sejajar dengan pengembangan berterusan dalam permintaan dalam negeri dan permintaan luaran terhadap keluaran perkilangan. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport diterajui oleh kelompok berkaitan sumber yang didorong khususnya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran kimia dan minyak bertapis. Pertumbuhan dalam kelompok E&E juga mendapat manfaat daripada asas rendah pada suku keempat 2011 apabila rangkaian bekalan E&E global terjejas akibat banjir di Thailand. Prestasi industri berorientasikan pasaran dalam negeri juga lebih kukuh, terutamanya hasil daripada pengembangan yang nyata dalam kelompok berkaitan pembinaan yang terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri yang teguh. Pertumbuhan pengeluaran kelompok berkaitan pengguna juga menggalakkan, khususnya kelengkapan pengangkutan disebabkan oleh pengeluaran kenderaan bermotor dan peralatan berkaitannya yang lebih tinggi.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 2005)	**5.2**	**4.7**	**3.3**	**5.8**	**4.8**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**4.7**	**4.5**	**3.5**	**6.1**	**5.0**
Industri berorientasikan eksport	**2.9**	**3.4**	**2.5**	**5.2**	**3.9**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**-3.0**	**-3.6**	**1.9**	**3.9**	**2.2**
Antaranya:					
Elektronik	-10.3	-11.7	5.1	13.0	4.2
Keluaran elektrik	6.5	8.4	-1.9	-5.9	-0.2
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**6.1**	**7.4**	**2.7**	**5.9**	**4.8**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	14.1	8.8	5.9	7.1	8.2
Keluaran petroleum	-1.1	6.2	-0.2	4.2	4.3
Keluaran getah	9.5	13.9	1.5	3.2	3.0
Pemprosesan di luar estet	13.8	8.7	2.5	11.0	0.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**10.6**	**8.2**	**6.9**	**8.7**	**8.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**12.3**	**17.6**	**10.5**	**11.3**	**8.7**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	8.3	13.0	1.6	-1.8	0.8
Keluaran logam yang direka	17.5	23.8	21.6	27.1	18.5
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**9.3**	**1.3**	**3.9**	**6.6**	**8.2**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	4.6	-4.3	11.9	19.9	14.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	9.8	5.9	2.1	0.2	5.7

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan mampan pada suku keempat (80%; S3 12: 81%). Industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada 81% dan 79% daripada jumlah kapasiti (S3 12: masing-masing 80% dan 82%).

Nilai ditambah sektor pertanian berkembang dengan kukuh sebanyak 5.6% (S3 12: 0.5%), didorong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam pengeluaran minyak sawit mentah selain disokong oleh hasil pengeluaran ayam dan itik yang lebih tinggi dalam subsektor ternakan. Sektor perlombongan kembali pulih dan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (S3 12: -1.2%), mencerminkan pengeluaran gas asli yang meningkat semula selepas tamatnya tempoh penutupan beberapa loji

Prestasi Sektor Pertanian

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**6.9**	**5.9**	**0.5**	**5.6**	**0.8**
Tanaman Industri	**7.8**	**5.8**	**-3.9**	**5.0**	**-2.6**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	17.0	10.8	1.6	11.7	-0.3
Getah	-6.9	6.1	-15.6	0.8	-7.0
Tanaman Makanan	**5.6**	**6.2**	**6.4**	**6.6**	**5.5**
Antaranya:					
Perikanan	1.2	2.1	4.7	5.6	1.5
Ternakan	10.3	10.4	7.1	11.7	9.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengeluaran gas yang berlanjutan untuk tujuan penyelenggaraan pada suku sebelumnya. Pertumbuhan sektor ini juga disokong pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi dari medan minyak di luar pesisir Sabah.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-3.8**	**-5.7**	**-1.2**	**4.3**	**1.4**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-6.6	-10.7	0.0	4.1	2.4
Gas asli	0.7	0.0	-3.3	6.0	-0.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Kelulusan perumahan	29.8	32.2	3.2	12.3	47.4
Permit jualan dan pengiklanan perumahan baharu	22.4	16.1	25.6	-1.1	11.9
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	12.3	17.6	10.5	11.3	8.7
Produk logam berstruktur	41.4	48.2	40.4	46.7	34.4
Besi dan keluli	1.0	1.4	-5.9	-2.8	-5.6
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	2.5	-4.5	6.0	2.4	5.1
Konkrit siap dibancuh	35.3	36.8	18.2	12.4	18.1
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	64.4	26.0	5.3	-60.1	-18.4
Pengeluaran	17.9	5.4	49.0	4.4	20.7

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan sektor pembinaan mampan pada kadar dua angka pada suku keempat (18.1%; S3 12: 18.3%), didorong terutamanya oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam dan kediaman yang teguh. Prestasi subsektor kejuruteraan awam yang teguh didorong terutamanya oleh kemajuan dalam projek MRT selain projek infrastruktur lain serta projek minyak dan gas, seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, Loji Kuasa Janamanjung dan Medan Gas Kebabangan. Subsektor kediaman juga mencatat pertumbuhan kukuh disokong oleh pembinaan harta tanah mewah manakala subsektor bukan kediaman terus mendapat sokongan daripada pembinaan bangunan perdagangan.

Inflasi terus sederhana

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menjadi sederhana kepada 1.3% pada suku keempat (S3 12: 1.4%), mencerminkan inflasi kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* yang lebih rendah.

Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* menurun kepada 2.0% pada suku tersebut (S3 12: 2.6%). Harga dalam subkategori *ikan dan makanan laut* naik lebih perlahan sebanyak 3.7% (S3 12: 7.3%) berikutan ikan diimport dari Indonesia yang lebih murah. Di samping itu, harga dalam kategori *makanan di luar rumah* juga meningkat dengan lebih perlahan pada 2.7% (S3 12: 3.5%).

Sebaliknya, inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat kepada 0.6% (S3 12: 0.2%). Walaupun harga petrol RON97 diturunkan pada bulan November dan Disember 2012, harga puratanya lebih tinggi pada suku keempat 2012 berbanding tempoh yang sama tahun 2011 (harga purata petrol RON97 pada S4 12: RM2.83 seliter; S4 11: RM2.80 seliter). Kenaikan harga rokok sebanyak 20 sen bagi pek 20 batang pada bulan Oktober 2012 telah menaikkan kadar inflasi dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau* (S4 12: 1.4%; S3 12: 0.2%).

Pada suku keempat, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus merosot sebanyak 3.7% pada asas tahunan (S3 12: -0.7%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi merosot sebanyak 10.3% (S3 12: -2.7%) manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi naik sebanyak 0.2% (S3 12: 0.6%) pada suku tersebut. Harga komponen tempatan menurun sebanyak 5.2% (S3 12: -1.1%) sementara harga komponen yang diimport kekal tidak berubah (S3 12: 0.7%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja lebih sederhana pada suku keempat

Secara keseluruhan, keadaan pasaran pekerja menyederhana sedikit pada suku keempat, apabila kadar pengangguran hanya naik sedikit kepada 3.1% pada bulan Oktober-November (S3 12: 3.0%). Jumlah guna tenaga purata bagi dua bulan pertama suku keempat ialah 12.56 juta orang yang merupakan pertumbuhan tahun-ke-tahun 2.9% (S3 12: 2.8%). Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia pada suku tersebut meningkat kepada 4,823 orang daripada 1,767 orang pada suku sebelumnya, dengan 70% daripadanya melibatkan pekerja sektor perkilangan.

Permintaan terhadap pekerja berkurang pada suku keempat seperti ditunjukkan oleh jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan di Portal JobsMalaysia yang lebih rendah (429,928 jawatan; S3 12: 453,893 jawatan). Sementara itu, agregat upah benar dalam sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.4% berbanding dengan suku sebelumnya (S3 12: 3.9%).

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Sektor luaran kekal kukuh

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM22.8 bilion pada suku keempat 2012, bersamaan dengan 6.6% daripada PNK, disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar dan defisit perkhidmatan dan aliran keluar pendapatan yang lebih rendah.

Imbangan Pembayaran

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**22.4**	**97.1**	**9.5**	**22.8**	**60.0**
(% daripada PNK)	*10.0*	*11.3*	*4.2*	*9.6*	*6.6*
Barangan	36.8	148.1	25.5	34.5	125.2
Perkhidmatan	-3.8	-8.0	-3.4	-2.7	-13.4
Pendapatan	-5.3	-22.0	-7.9	-5.5	-33.7
Pindahan semasa	-5.4	-21.0	-4.7	-3.5	-18.2
Akaun Kewangan	**-0.2**	**22.3**	**-8.7**	**-9.0**	**-22.5**
Pelaburan langsung di luar negeri	-14.7	-46.7	-7.7	-23.8	-51.0
Pelaburan langsung asing	6.5	36.6	9.6	5.9	29.1
Pelaburan portfolio	-2.7	25.8	27.6	11.3	59.2
Derivatif kewangan	-0.3	-0.1	-0.1	0.1	0.9
Pelaburan lain	11.0	6.6	-38.1	-2.4	-60.7
- Sektor awam	*-0.1*	*-1.3*	*0.0*	*-0.7*	*-1.4*
- Sektor swasta	*11.1*	*7.9*	*-38.0*	*-1.7*	*-59.3*
Kesilapan dan ketinggalan	-15.9	-24.5	-8.3	-8.2	-33.6
Imbangan Keseluruhan	**6.2**	**94.7**	**-7.5**	**5.9**	**3.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM26.6 bilion pada suku keempat 2012 apabila import kasar yang lebih sederhana lebih daripada mengimbangi kemerosotan eksport kasar.

Eksport kasar terus mengalami kemerosotan (-2.3%) pada suku keempat, disebabkan oleh eksport perkilangan dan komoditi yang terus menguncup. Kemerosotan eksport perkilangan disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih lemah terhadap keluaran elektronik dan elektrik (E&E). Eksport keluaran bukan E&E menguncup pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan permintaan serantau yang mampan bagi keluaran berasaskan sumber dan bukan sumber. Eksport komoditi adalah lebih rendah disebabkan terutamanya harga semua komoditi utama yang terus menurun.

Import kasar lebih sederhana pada 0.9% pada suku keempat disebabkan penurunan menyeluruh dalam semua kategori import utama. Import barangan pengantara terus menurun sejajar dengan penguncupan selanjutnya dalam eksport perkilangan, manakala import barangan modal dan barangan penggunaan terus meningkat walaupun pada kadar lebih perlahan. Pertumbuhan import barangan modal terus disokong oleh import jentera dan peralatan pengangkutan, mencerminkan peningkatan yang berterusan dalam aktiviti pelaburan. Import barangan penggunaan disokong oleh import barangan makanan dan minuman yang diproses dan barangan pengguna separuh tahan lama.

Defisit dalam akaun perkhidmatan menurun dengan ketara kepada RM2.7 bilion pada suku keempat. Defisit yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan perjalanan bersih yang lebih tinggi dalam keadaan bayaran bersih yang mampan bagi perkhidmatan pengangkutan. Peningkatan dalam pendapatan perjalanan didorong oleh bilangan dan perbelanjaan pelancong asing yang lebih tinggi di Malaysia, manakala bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan disokong oleh perbelanjaan penumpang yang lebih tinggi, meskipun import lebih sederhana pada suku itu. Defisit dalam akaun pendapatan lebih kecil pada RM5.5 bilion berikutan pendapatan pelaburan terakru yang lebih tinggi kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, dan pendapatan pelaburan terakru yang lebih rendah kepada pelabur langsung asing di Malaysia. Pendapatan yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar

Akaun Perdagangan

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**9.8**	**9.2**	**-1.5**	**-2.3**	**0.6**
Perkilangan	2.2	2.2	-1.3	-2.4	-0.1
E&E	*-5.0*	*-5.1*	*-1.7*	*-4.4*	*-2.5*
Bukan E&E	*10.3*	*10.7*	*-0.8*	*-0.5*	*2.3*
Komoditi	28.8	28.0	-3.0	-3.1	1.5
Pertanian	*18.9*	*32.7*	*-21.4*	*-16.8*	*-14.9*
Mineral	*36.6*	*24.7*	*11.8*	*6.2*	*13.6*
Import Kasar	**6.8**	**8.5**	**7.3**	**0.9**	**5.9**
Barangan modal	2.8	8.7	22.6	14.5	20.5
Barangan pengantara	2.4	5.5	-3.1	-8.8	-3.4
Barangan penggunaan	25.2	19.0	11.4	5.7	11.6
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**32.2**	**124.2**	**17.2**	**26.6**	**94.8**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2011		2012			2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-3.5**	**-5.4**	**8.3**	**4.1**	**5.4**	**8.0**	**8.3**	**9.2**	**8.6**	**8.7**
Kesatuan Eropah (EU)	**3.9**	**4.9**	**-19.2**	**-15.7**	**-13.7**	**10.2**	**10.3**	**8.5**	**8.8**	**8.9**
Negara ASEAN terpilih[1]	**5.6**	**5.5**	**10.6**	**8.0**	**9.5**	**24.3**	**24.2**	**26.7**	**26.9**	**26.4**
Timur Laut Asia	**9.4**	**9.7**	**-7.6**	**-4.3**	**-3.7**	**24.2**	**24.7**	**23.8**	**23.7**	**23.6**
Republik Rakyat China	*15.4*	*14.3*	*-11.6*	*-4.9*	*-3.1*	*13.0*	*13.1*	*12.7*	*12.6*	*12.6*
Hong Kong SAR	*-7.3*	*-3.6*	*0.2*	*-4.2*	*-3.8*	*4.2*	*4.5*	*4.6*	*4.1*	*4.3*
China Taipei	*13.1*	*14.9*	*-1.6*	*-8.8*	*-6.1*	*3.4*	*3.3*	*3.2*	*3.1*	*3.1*
Korea	*8.5*	*7.9*	*-6.7*	*2.1*	*-3.6*	*3.6*	*3.8*	*3.3*	*3.8*	*3.6*
Asia Barat	**6.5**	**12.1**	**2.5**	**-8.8**	**-3.1**	**3.5**	**3.6**	**3.6**	**3.3**	**3.4**
India	**33.7**	**34.5**	**0.7**	**12.9**	**4.2**	**4.0**	**4.0**	**4.3**	**4.6**	**4.2**
Jumlah eksport	**9.8**	**9.2**	**-1.5**	**-2.3**	**0.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

negeri dihasilkan terutamanya oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan.

Akaun kewangan terus mencatat aliran keluar bersih yang berterusan sebanyak RM9.0 bilion pada S4 12 (S3 12: -RM8.7 bilion) apabila aliran masuk bersih pelaburan portfolio dan FDI telah diimbangi oleh peningkatan dalam pelaburan langsung di luar negeri.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM11.3 bilion pada suku keempat (S3 12: RM27.6 bilion). Meskipun perkembangan di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah menyebabkan kesanggupan mengambil risiko berkurang dengan ketara dalam pasaran, namun keadaan mudah tunai global yang lebih tinggi ekoran pendirian dasar monetari akomodatif yang diteruskan dalam ekonomi maju menyumbang kepada aliran masuk modal yang stabil ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Selain itu, prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam ekonomi membangun terus menarik aliran masuk pelaburan portfolio daripada bukan pemastautin, khususnya dalam pembelian sekuriti hutang Kerajaan.

FDI mencatat aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM5.9 bilion (S3 12: +RM9.6 bilion) disebabkan oleh aliran masuk modal ekuiti dan pendapatan tertahan yang lebih rendah sedikit. Aliran masuk FDI terus menyeluruh pada suku keempat, dengan kebanyakan syarikat yang membuat pelaburan adalah dalam sektor *perkilangan, minyak dan gas* dan *sektor perkhidmatan*, khususnya dalam subsektor *perniagaan borong dan runcit* dan subsektor *kewangan dan insurans*.

Walau bagaimanapun, pelaburan langsung di luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia meningkat dengan ketara kepada RM23.8 bilion pada suku terakhir tahun 2012 (S3 12: -RM7.6 bilion). Sejumlah besar aliran keluar ini mencerminkan pelaburan strategik dalam pasaran eksport Gas Asli Cecair (Liquefied Natural Gas, LNG). Oleh itu, sebahagian besar DIA dicakupi oleh sektor *minyak dan gas*.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar yang kecil sebanyak RM2.4 bilion pada suku keempat (S3 2012: -RM38.1 bilion), mencerminkan aliran sektor swasta yang berubah arah, apabila aliran masuk yang besar daripada sektor perbankan diimbangi oleh aliran keluar dalam bentuk pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia. Sektor rasmi terus mencatat aliran keluar yang kecil disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman luar.

Kedudukan aliran keluar bersih yang kecil dalam akaun kewangan, bersama-sama dengan lebihan akaun semasa yang lebih tinggi menyebabkan imbangan bayaran keseluruhan berubah arah untuk mencatat lebihan yang kecil sebanyak RM5.9 bilion pada S4 2012 (S3 2012: -RM7.5 bilion). Dengan mengambil kira penambahan nilai rizab yang kecil disebabkan penilaian semula rizab antarabangsa, kesilapan dan ketinggalan berjumlah RM8.2 bilion pada suku keempat.

Hutang luar negeri lebih rendah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM252.8 bilion pada akhir bulan Disember 2012 (akhir bulan September: RM259.6 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 28% daripada PNK dan mencakupi hanya 14.5% daripada jumlah hutang[2].

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit kepada RM159.8 bilion, kerana ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh sektor swasta sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih sektor awam. Pada akhir bulan Disember 2012, jumlah hutang luar negeri jangka pendek lebih rendah pada RM93 bilion disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih peminjaman antara bank.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2011	2012	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	153.5	159.1	159.8
Sektor awam	87.8	84.8	82.9
Sektor swasta	65.8	74.3	76.9
Hutang jangka pendek[1]	103.9	100.5	93.0
Jumlah hutang luar negeri	**257.4**	**259.6**	**252.8**
bersamaan USD bilion	80.4	83.9	81.7
Hutang luar negeri/PNK (%)	30.0	28.7	28.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.1	4.2	4.6[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2013
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM427.1 bilion (bersamaan dengan USD139.7 bilion) pada 31 Disember 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan dalam penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Januari 2013, kedudukan rizab berjumlah RM428.6 bilion (bersamaan dengan USD140.2 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Jumlah hutang merangkumi hutang dalam dan luar negeri. Hutang dalam negeri terdiri daripada pinjaman oleh sistem perbankan, sekuriti hutang swasta dan hutang Kerajaan Persekutuan

Defisit fiskal lebih rendah sebanyak 4.5% pada tahun 2012 berikutan pungutan hasil lebih tinggi

Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan yang meningkat dengan ketara pada suku keempat menyebabkan defisit fiskal menurun kepada 4.5% daripada KDNK bagi keseluruhan tahun tersebut (2011: 4.8% daripada KDNK). Pertambahan hasil pada suku tersebut disokong oleh cukai pendapatan petroleum yang lebih tinggi. Perbelanjaan terutamanya disalurkan ke dalam sektor pendidikan dan kesihatan. Defisit fiskal dibiayai keseluruhannya melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan Disember 2012, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM501.6 bilion atau 53.5% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2011		2012[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	47.7	185.4	52.1	57.2	207.9
% pertumbuhan tahunan	*4.0*	*16.1*	*7.8*	*20.0*	*12.1*
Perbelanjaan mengurus	54.5	182.6	50.1	61.6	205.5
% pertumbuhan tahunan	*23.6*	*20.4*	*2.5*	*13.1*	*12.6*
Akaun semasa	**-6.9**	**2.8**	**2.0**	**-4.5**	**2.4**
% daripada KDNK	***-3.0***	***0.3***	***0.9***	***-1.8***	***0.3***
Perbelanjaan pembangunan bersih	18.5	45.3	10.8	15.1	44.3
% pertumbuhan tahunan	*-7.1*	*-11.6*	*-11.8*	*-18.4*	*-2.2*
Imbangan keseluruhan	**-25.4**	**-42.5**	**-8.8**	**-19.6**	**-42.0**
% daripada KDNK	***-11.1***	***-4.8***	***-3.7***	***-8.1***	***-4.5***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	73.0	227.9	60.9	76.7	249.9
% pertumbuhan tahunan	*14.1*	*12.3*	*-0.4*	*5.1*	*9.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	456.1	456.1	484.6	501.6	501.6
% daripada KDNK	*51.8*	*51.8*	*51.7*	*53.5*	*53.5*
Hutang dalam negeri	438.0	438.0	467.4	484.8	484.8
% daripada KDNK	*49.7*	*49.7*	*49.9*	*51.7*	*51.7*
Hutang luar negeri	18.1	18.1	17.3	16.8	16.8
% daripada KDNK	*2.1*	*2.1*	*1.8*	*1.8*	*1.8*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku keempat tahun 2012. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku keempat. Pada tempoh 1 Oktober dan 31 Disember 2012, AOIR bergerak dalam julat antara 2.89% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Kadar bagi swap kadar faedah dan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offer Rate, KLIBOR) 3 bulan kembali pada paras yang wajar pada suku keempat berikutan sebahagian peserta pasaran menilai semula jangkaan mereka terhadap pengurangan OPR memandangkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang berterusan.

Kadar deposit runcit stabil pada suku keempat. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Disember 2012, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.90% hingga 3.15%.

Kos peminjaman kepada ekonomi juga secara relatif stabil pada suku keempat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Faedah

	2011	2012	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.99	2.99	3.00
1 bulan	3.05	3.08	3.06
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.66	5.55	5.52
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.95	2.91	2.90
12 bulan	3.22	3.16	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

meneruskan trend menjadi sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan Disember 2012: 5.52%, akhir bulan September 2012: 5.5%), susulan matangnya pinjaman yang dibuat semasa kos peminjaman yang lebih tinggi sebelum pengurangan OPR pada tahun 2008 dan 2009, selain meningkatnya pinjaman baharu pada kadar yang secara relatif lebih rendah. Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah kekal menyokong aktiviti ekonomi dengan kadar pemberian pinjaman terus berada di bawah paras sebelum krisis kewangan global.

Pertumbuhan M3 sederhana

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat tahun 2012. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM15.4 bilion pada suku keempat. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.2% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2012: 12.3%). Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM15.2 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2012: 12.5%).

M3 terus berkembang pada suku keempat disebabkan oleh pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun penempatan hasil daripada aktiviti pemerolehan dana oleh Kerajaan menyebabkan kesan penguncupan terhadap wang secara luas. Penyederhanaan

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**53.7**	**154.8**	**28.9**	**15.2**	**109.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	8.6	2.8	0.3	-4.9	-3.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	35.7	116.4	27.2	25.2	128.4
Pinjaman	*33.4*	*111.8*	*19.5*	*19.2*	*105.5*
Sekuriti	*2.2*	*4.6*	*7.7*	*6.0*	*22.9*
Aset asing bersih[1]	7.5	95.8	22.1	-4.1	27.0
BNM	*11.2*	*87.0*	*0.6*	*5.8*	*11.7*
Sistem Perbankan	*-3.8*	*8.8*	*21.5*	*-9.9*	*15.3*
Pengaruh lain	2.0	-60.2	-20.7	-1.0	-42.6

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam M3 juga disebabkan oleh aliran keluar dana pada suku keempat yang dicerminkan dalam kesederhanaan *aset asing bersih*.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku keempat.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta berterusan

Pada suku keempat, keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal mampan pada RM262.5 bilion pada suku keempat (S3 12: RM272.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2012: 12.8%).

Dalam sektor perniagaan, meskipun pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan menjadi sederhana disebabkan oleh pembayaran balik yang besar pada suku keempat, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan kekal tinggi. Kebanyakan daripada pinjaman ini dikeluarkan terutamanya kepada sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel; harta tanah; bekalan elektrik, gas dan air* serta *pertanian*. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh sektor perniagaan menjadi sederhana dengan ketiadaan permohonan pinjaman yang besar seperti pada awal tahun 2012. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar 10.9 % pada akhir bulan Disember (pada akhir bulan September 2012: 13.6%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus berkembang sebanyak RM17.9 bilion pada suku keempat (S3 12: RM17.2 bilion).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, pinjaman isi rumah terkumpul meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 11.5% pada akhir bulan Disember (pada akhir bulan September 2012: 11.9%). Permintaan isi rumah terhadap pembiayaan terus mampan dengan permohonan pinjaman terutamanya untuk *pembelian harta kediaman, kereta penumpang* dan *sekuriti.*

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2011		2012			2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah pembiayaan kasar	**240.6**	**890.8**	**272.9**	**262.5**	**1,070.5**	**8.9**	**10.8**	**21.9**	**9.1**	**20.2**
Pengeluaran pinjaman*	219.7	811.3	233.3	236.6	929.9	16.3	12.0	15.4	7.7	14.6
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	17.1	66.9	31.8	19.8	113.1	-2.1	42.6	76.4	16.2	69.0
Ekuiti	3.8	12.6	7.9	6.1	27.4	-73.9	-60.7	106.1	59.6	117.1
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.1**	**147.4**	**33.3**	**31.1**	**164.5**	**12.5**	**12.5**	**12.8**	**12.4**	**12.4**
Sistem perbankan	31.7	122.5	28.5	26.0	128.3	12.9	12.9	12.9	12.0	12.0
Pinjaman terkumpul (A)	*31.2*	*120.2*	*20.9*	*19.7*	*104.4*	*13.6*	*13.6*	*11.9*	*10.4*	*10.4*
Pemegangan PDS	*0.5*	*2.2*	*7.6*	*6.2*	*23.9*	*3.6*	*3.6*	*28.0*	*36.6*	*36.6*
PDS terkumpul (B)	0.8	27.2	12.4	11.4	60.1	9.3	9.3	15.5	18.7	18.7
Memorandum										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	17.4	69.6	32.6	23.1	121.1	-5.2	33.4	71.0	33.1	74.1

*Termasuk pinjaman sistem perbankan yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2011		2012			2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah										
Permohonan pinjaman	192.3	745.4	180.0	170.4	766.0	10.9	16.2	-2.6	-11.4	2.8
Kelulusan pinjaman	104.0	400.3	94.0	95.0	390.1	13.4	16.6	-4.6	-8.7	-2.5
Pengeluaran pinjaman	219.7	811.3	233.3	236.6	929.9	16.3	12.0	15.4	7.7	14.6
Bayaran balik pinjaman	195.5	725.6	224.0	227.3	867.3	16.5	11.8	19.0	16.2	19.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	31.2	120.2	20.9	19.7	104.4	13.6	13.6	11.9	10.4	10.4
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	95.7	357.9	81.4	70.2	372.1	16.6	19.9	-5.3	-26.6	4.0
Kelulusan pinjaman	52.5	193.3	41.4	41.7	186.3	20.8	21.3	-10.9	-20.5	-3.6
Pengeluaran pinjaman	150.8	543.5	163.2	165.3	659.6	21.1	12.5	20.1	9.6	21.3
Bayaran balik pinjaman	137.8	494.7	161.9	164.4	625.0	21.9	11.6	24.4	19.3	26.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.2	44.8	7.6	5.0	41.2	13.5	13.5	13.6	10.9	10.9
PKS**										
Permohonan pinjaman	40.8	163.4	37.6	36.1	172.3	19.3	27.3	-6.3	-11.3	5.5
Kelulusan pinjaman	15.9	70.4	18.4	16.3	77.5	10.8	21.8	-2.6	2.3	10.0
Pengeluaran pinjaman	48.5	179.9	55.4	57.1	217.7	21.9	22.3	17.8	17.7	21.0
Bayaran balik pinjaman	43.9	159.7	51.6	55.0	199.5	17.2	16.4	23.3	25.4	24.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	8.2	24.8	4.7	2.5	23.8	19.3	19.3	20.3	15.5	15.5
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	54.9	194.5	43.8	34.1	199.7	14.6	14.3	-4.4	-37.9	2.7
Kelulusan pinjaman	36.6	122.9	23.0	25.4	108.8	25.8	21.1	-16.5	-30.5	-11.4
Pengeluaran pinjaman	102.3	363.6	107.8	108.2	441.9	20.7	8.2	21.4	5.7	21.5
Bayaran balik pinjaman	94.0	335.0	110.3	109.3	425.6	24.3	9.5	24.9	16.4	27.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	4.9	20.0	2.9	2.5	17.4	9.8	9.8	9.1	7.8	7.8
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	96.7	387.5	98.6	100.2	394.0	5.8	13.0	-0.2	3.7	1.7
Kelulusan pinjaman	51.5	207.0	52.6	53.3	203.8	6.7	12.4	1.0	3.4	-1.5
Pengeluaran pinjaman	68.9	267.7	70.0	71.3	270.4	7.1	10.9	5.8	3.6	1.0
Bayaran balik pinjaman	57.7	231.0	62.1	62.9	242.3	5.2	12.0	7.0	9.0	4.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.8	63.1	17.2	17.9	63.7	12.9	12.9	11.9	11.5	11.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal kekal memuaskan

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM37.7 bilion pada suku keempat (S3 12: RM28.7 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta menerusi terbitan baharu sekuriti hutang swasta yang berjumlah RM23.1 bilion (S3 12: RM 32.6 bilion). Dana diperoleh terutamanya untuk aktiviti baharu dan untuk membiayai modal kerja, perbelanjaan am korporat dan perbelanjaan mengurus. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh berjumlah RM6.1 bilion (S3 12: RM7.9 bilion), terutamanya menerusi tawaran awam awal. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM20.1 bilion (S3 12: RM18.3 bilion).

Dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM17.6 bilion pada suku keempat (S3 12: RM10.4 bilion). Dana diperoleh menerusi terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 7.5 tahun serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun, 7 tahun, 10 tahun dan 20 tahun, selain terbitan GII 5 tahun dan 15 tahun. Selain itu, dana juga diperoleh menerusi terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan berjumlah RM1.9 bilion. Pada keseluruhan tahun 2012, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM137.4 bilion (2011: RM82.7 bilion).

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2011		2012		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**15.9**	**45.6**	**10.4**	**17.6**	**46.7**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	15.9	47.1	7.8	15.7	48.7
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.9*	*58.8*	*14.2*	*11.6*	*54.7*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.1*	*36.4*	*11.1*	*8.0*	*42.2*
Tolak: Penebusan	*3.1*	*48.1*	17.5	4.0	48.3
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.0)	(1.6)	-	-	(6.5)
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	-	-	2.6	1.9	*4.5*
Oleh Sektor Swasta	**3.5**	**37.1**	**18.3**	**20.1**	**90.7**
Saham	3.8	12.6	7.9	6.1	27.4
Sekuriti hutang, *bersih*	(0.3)	24.5	10.3	14.0	63.3
Sekuriti Hutang Swasta	*17.4*	*69.6*	*32.6*	*23.1*	*121.1*
Tolak: Penebusan	*17.7*	*45.1*	*22.3*	*9.1*	*57.8*
Jumlah	**19.4**	**82.7**	**28.7**	**37.7**	**137.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S4 11	2011	S3 12	S4 12	2012		
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**150.8**	**543.5**	**163.2**	**165.3**	**659.6**	**70.9**	**44.4**
Syarikat besar	*102.3*	*363.6*	*107.8*	*108.2*	*441.9*	*47.5*	*28.4*
*PKS**	*48.5*	*179.9*	*55.4*	*57.1*	*217.7*	*23.4*	*16.0*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	6.1	22.9	7.1	8.0	28.8	3.1	2.6
Perlombongan dan kuari	1.3	5.1	1.7	1.9	7.8	0.8	0.6
Perkilangan	47.4	175.6	53.1	51.5	206.2	22.2	8.6
Pembinaan	14.0	45.1	16.1	14.6	54.5	5.9	4.0
Harta tanah	9.6	33.3	7.8	9.5	40.9	4.4	5.6
Bekalan elektrik, gas dan air	1.4	5.6	2.2	3.1	9.1	1.0	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	38.0	139.7	42.6	46.2	178.5	19.2	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.4	19.7	4.5	3.7	17.7	1.9	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	16.4	63.0	20.7	18.3	85.0	9.1	6.8
Isi rumah	**68.9**	**267.7**	**70.0**	**71.3**	**270.4**	**29.1**	**55.6**
Pembelian harta kediaman	17.0	64.5	16.3	17.0	64.7	7.0	26.0
Kredit penggunaan	41.6	162.9	42.7	43.4	163.3	17.6	19.2
Antaranya:							
Kad kredit	*23.6*	*93.7*	*23.0*	*24.3*	*90.3*	9.7	3.0
Pembelian kereta penumpang	*9.3*	*35.7*	*10.8*	*10.6*	*40.2*	*4.3*	*11.3*
Lain-lain	10.3	40.3	11.0	11.0	42.4	*4.6*	*10.4*
Jumlah	**219.7**	**811.3**	**233.3**	**236.6**	**929.9**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu
Sumber: Bank Negara Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon menurun pada suku keempat

Pada bulan Oktober, kadar hasil MGS menunjukkan trend menurun disebabkan oleh aliran masuk daripada bukan pemastautin yang didorong oleh keyakinan pelabur yang bertambah terhadap prospek pertumbuhan di rantau, termasuk di Malaysia, dan pengumuman mengenai rangsangan monetari selanjutnya dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, pada penghujung tahun 2012, kadar hasil meningkat sedikit apabila pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan aset pasaran yang sedang pesat membangun, termasuk MGS, yang disebabkan oleh ketidakpastian yang meningkat terhadap kedudukan fiskal Amerika Syarikat. Secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sedikit, iaitu 9, 7 dan 5 mata asas pada suku keempat.

Pada amnya, kadar hasil bon korporat juga mencatat penurunan pada suku keempat, selaras dengan kadar hasil MGS. Kadar hasil bagi AAA dan AA 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 3 dan 9 mata asas, manakala kadar hasil A 5 tahun meningkat sebanyak 2 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM185 bilion pada suku keempat (S3 12: RM248 bilion) disebabkan

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh musim cuti hujung tahun. Semua segmen turut mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Segmen MGS, GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai sebanyak 0.38, 0.26 dan 0.09.

KLCI mencatat prestasi positif

Pada suku keempat, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 52.3 mata untuk mengakhiri tahun 2012 pada 1,689 mata (akhir bulan September 2012: 1,636.7). Pada awal suku keempat, jangkaan terhadap rangsangan monetari yang selanjutnya daripada ekonomi maju serta pengumuman data pertumbuhan dalam negeri untuk suku ketiga yang lebih baik daripada jangkaan meneruskan trend menaik FBM KLCI. Walau bagaimanapun, trend ini berubah arah pada bulan November disebabkan oleh pengambilan untung dan kedudukan fiskal Amerika Syarikat yang semakin tidak pasti. Walau bagaimanapun, indeks kemudiannya pulih pada bulan Disember untuk ditutup pada paras tertingginya, iaitu sebanyak 1689, didorong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada pelabur untuk saham perdana. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.47 trilion pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2012: RM1.42 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada1.05 bilion unit (S3 12: 1.20 bilion unit) pada suku keempat. Minat terbuka dalam pasaran hadapan FBM KLCI meningkat kepada 30,550 kontrak pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2012: 24,896).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2012 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2011		2012		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sep	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,530.7	1,530.7	1,636.7	1,689.0	1,689.0
FBMEMAS[1]	10,489.1	10,489.1	11,106.6	11,438.1	11,438.1
Pasaran ACE[2]	4,068.6	4,068.6	4,304.7	4,214.2	4,214.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,284.5	1,284.5	1,417.3	1,465.7	1,465.7
Bilangan syarikat yang disenaraikan	941	941	931	921	921
	Pada tempoh suku				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,615.5	1,343.8	1,197.8	1,053.6	1,361.3
Nilai (RM juta)	1,411.7	1,566.1	1,683.8	1,509.0	1,667.5

[1] FBMEMAS mewakili indeks EMAS Bursa Malaysia FTSE
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2011				2012					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	98.5	86.1	329.2	438.2	73.1	102.7	65.3	93.6	333.5	408.3
Antaranya:										
Papan Utama	68.3	81.6	424.5	249.3	49.1	98.7	50.8	91.3	224.2	390.6
Antaranya										
Produk Pengguna	8.1	6.0	21.3	19.1	4.5	5.5	4.6	5.0	22.6	24.7
Produk Industri	14.6	10.7	60.5	51.8	10.0	8.9	10.6	8.5	44.6	44.3
Pembinaan	2.7	4.1	25.1	13.5	1.9	3.4	2.1	3.1	8.3	14.3
Dagangan/Khidmat	20.1	28.2	153.4	86.4	18.6	42.0	20.8	42.1	88.3	161.7
Kewangan	6.0	15.5	92.1	20.9	3.6	20.2	2.6	17.6	13.5	75.1
Harta Benda	8.4	6.7	31.4	34.3	4.1	5.0	3.7	3.6	19.5	18.7
Perladangan	2.0	4.9	23.9	7.4	1.8	7.8	1.1	4.7	5.9	25.4
Infrastruktur	1.3	2.6	9.3	4.0	0.9	3.1	1.1	3.9	5.4	13.6
Pasaran ACE[1]	18.7	2.7	7.5	47.7	18.5	3.3	10.0	1.8	76.1	12.6

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 18 Februari 2013, KLCI ditutup lebih rendah sedikit pada 1,620.9 mata (sejak akhir bulan Disember 2012: -4.0%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.42 trilion (sejak akhir bulan Disember 2012: -3.4%).

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau

Pada suku keempat, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), disokong oleh keyakinan pelabur yang bertambah terhadap prospek pertumbuhan rantau, termasuk di Malaysia. Walau bagaimanapun, ketidakpastian berhubung dengan perkembangan ekonomi AS, termasuk pilihanraya presiden dan kebimbangan mengenai kedudukan fiskal AS telah mendorong sebahagian pelabur untuk melupuskan pemegangan aset pasaran sedang pesat membangun mereka lantas mengimbangi sebahagian daripada penambahan nilai ringgit pada suku itu. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 0.3% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (11.1%) dan paun sterling (0.8%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.9%). Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau adalah bercampur-campur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (0.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand, renminbi China, peso Filipina dan won Korea antara 0.4% dan 3.9%. Ringgit tidak berubah berbanding dengan dolar Singapura.

Pada tempoh antara 1 Januari hingga 18 Februari 2013, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (8.0%) dan paun sterling (3.0%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-1.3%) dan euro (-2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan won Korea dan dolar Singapura masing-masing sebanyak 0.2% dan 0.1% tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand antara -0.9% dan -3.6%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih
Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2012)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 11	S3 12	S4 12	21 Jul 05	S4 11	S3 12
Dolar AS	3.8000	3.1770	3.0660	3.0583	24.3	3.9	0.3
Euro	4.6212	4.1118	3.9639	4.0412	14.4	1.7	-1.9
Paun sterling	6.6270	4.8962	4.9829	4.9420	34.1	-0.9	0.8
100 yen Jepun	3.3745	4.0975	3.9536	3.5576	-5.1	15.2	11.1
Dolar Singapura	2.2570	2.4427	2.5018	2.5030	-9 8	-2.4	0.0
100 baht Thailand	9.0681	10.009	9.9481	9.9910	-9.2	0.2	-0.4
100 peso Filipina	6.8131	7.2468	7.3402	7.4446	-8.5	-2.7	-1.4
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0347	0.0320	0.0317	21.8	9.2	0.9
100 won Korea	0.3665	0.2746	0.2754	0.2865	27.9	-4.2	-3.9
Renminbi China	0.4591	0.5034	0.4871	0.4909	-6.5	2.5	-0.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti dalam pasaran derivatif pertukaran asing lemah akibat tahap ketidaktentuan yang lebih rendah

Pada suku keempat tahun 2012, pasangan dolar AS/RM diurus niaga dalam julat yang stabil antara 3.03 hingga 3.08 dalam keadaan ketidaktentuan kadar pertukaran yang rendah. Perkembangan ini, bersama-sama ketiadaan teraju pasaran, menyebabkan permintaan terhadap pelindungan nilai berkurang dan oleh itu aktiviti derivatif pertukaran asing menurun sebanyak 9.1% berbanding dengan suku ketiga.

Sementara itu, kos peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang meningkat sedikit daripada 115 mata asas kepada 124 mata asas pada suku keempat apabila kesan peningkatan mudah tunai dolar AS yang disebabkan oleh pelonggaran monetari dalam pasaran maju berkurang secara beransur-ansur.

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan berterusan

Kestabilan kewangan kekal mampan pada suku keempat dalam keadaan persekitaran global yang terus mencabar. Keadaan kewangan yang stabil ini disokong oleh institusi kewangan yang mantap dan mempunyai permodalan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Ini memberikan sokongan yang berterusan kepada pengantaraan kewangan yang berkesan.

Pencapaian penting yang berjaya dilaksanakan pada suku keempat ialah pelulusan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan 2012 dan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012. Perundangan pengawalseliaan yang baharu ini mengukuhkan dengan ketara asas pengawalseliaan dan pengawasan institusi kewangan di bawah kawal selia Bank. Rang undang-undang tersebut menggabungkan enam akta yang sedia ada, iaitu Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran 2003, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984, bagi menyediakan rangka kerja undang-undang yang komprehensif dan bersepadu untuk sektor kewangan. Penambahbaikan utama dalam perundangan ini termasuk lebih ketelusan dalam urusan pengawalseliaan, perbezaan rejim bagi kategori pengantara kewangan berbeza yang mencerminkan risiko oleh institusi terhadap kestabilan sistem kewangan keseluruhan, peruntukan amalan perniagaan dan perlindungan pengguna yang diperkukuh, serta kuasa dan instrumen untuk penguatkuasaan dan campur tangan penyeliaan oleh Bank yang lebih luas.

Risiko keseluruhan kepada kestabilan kewangan terkawal pada suku keempat. Pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kedudukan kewangan peminjam yang secara amnya kukuh menyokong risiko kredit yang stabil dalam sistem perbankan. Kualiti pinjaman bank kekal teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas bersih tidak berubah pada 1.4% manakala pinjaman tertunggak bertambah baik sedikit kepada 3.4% (S3 12: 3.5%) daripada jumlah pinjaman. Dedahan risiko kredit dalam industri insurans, yang sebahagian besarnya daripada pemegangan sekuriti hutang swasta dan rakan niaga insurans semula, juga stabil pada 3.4% daripada jumlah modal penanggung insurans.

Hutang isi rumah meningkat pada kadar sederhana sebanyak 3.1% pada suku keempat (S3 12: 3.4%). Pembiayaan untuk pembelian harta tanah kediaman meningkat pada paras yang sama seperti suku sebelumnya iaitu pada 3%. Walau bagaimanapun, baki kad kredit tertunggak meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada 3% (S3 12: 0.2%) disebabkan terutamanya oleh faktor bermusim hujung tahun. Pada paras agregat, pengumpulan hutang oleh isi rumah adalah lebih tinggi daripada peningkatan aset kewangan isi rumah yang bertambah sebanyak 2.3% (S3 12: 2.9%). Namun, penampan kewangan isi rumah pada paras agregat kekal memuaskan. Jumlah aset isi rumah kekal melebihi 2 kali hutang isi rumah (S3 12: 2.2 kali) manakala nisbah pinjaman terjejas dan tunggakan antara satu bulan dan kurang daripada tiga bulan bagi pinjaman isi rumah daripada institusi perbankan masing-masing stabil pada 1.5% dan 2.8% daripada pinjaman isi rumah (S3 12: 1.6% dan 2.7%). Ini menunjukkan keupayaan berterusan sektor isi rumah untuk membayar balik hutang.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan yang diberikan kepada perniagaan oleh sistem perbankan menjadi sederhana dan meningkat sebanyak 1.2% pada suku keempat (S3 12: 1.9%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti yang lebih perlahan dalam pemberian pinjaman kepada sektor pengangkutan (-6.2%; S3 12: -0.4%) dan pembinaan (-2.4%; S3 12: 9.3%). Sektor ini telah memperoleh dana terutamanya melalui pasaran modal untuk pembiayaan projek jangka panjang. Tahap jejas nilai bertambah baik lagi pada suku keempat didorong terutamanya oleh sektor pembinaan serta segmen perniagaan borong dan runcit yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek mega oleh Kerajaan dan permintaan domestik yang berterusan. Hasilnya, nisbah pinjaman terjejas kasar kekal rendah pada 3% (S3 12: 3.1%) daripada pinjaman perniagaan manakala penunjuk utama pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan bertambah baik kepada 1.2% (S3 12: 1.5%) daripada jumlah pinjaman perniagaan pada suku keempat. Keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh perniagaan kekal teguh, seperti yang dibuktikan oleh nisbah perlindungan faedah pada kadar yang selesa, iaitu sebanyak 6.3 kali (S2 12: 6 kali).

Prospek bagi risiko kredit untuk sistem perbankan kekal menggalakkan berdepan dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam. Ini juga disokong oleh disiplin yang berterusan dalam pengurusan risiko kredit dan amalan pengunderaitan institusi kewangan. Paras aset kewangan isi rumah terus menyediakan penampan kewangan yang mencukupi untuk kebanyakan isi rumah bagi mengimbangi sebarang kejutan terhadap pendapatan. Sektor perniagaan juga dijangka terus berupaya untuk menghadapi cabaran dalam persekitaran operasi yang sukar, berdasarkan kedudukan kewangan mereka yang kukuh seperti yang ditunjukkan oleh keberuntungan yang mampan, hutang yang rendah dan kedudukan mudah tunai yang mantap. Kebarangkalian jangkaan mungkir bagi sektor perniagaan bertambah baik kepada 0.5% pada akhir suku keempat (S3 12: 0.53%).

Pengantaraan oleh sistem kewangan terhadap aliran modal jangka pendek yang tidak menentu terus lancar tanpa mengganggu pasaran kewangan dalam negeri. Ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti terus menurun pada suku keempat kepada 6.7% (S3 12: 7.2%) manakala indeks penunjuk tanda aras mengakhiri suku keempat pada paras tertingginya, iaitu sebanyak 1,689 mata. Mudah tunai dagangan dalam pasaran hutang dan ekuiti kekal teguh dengan nisbah bida-tawar secara relatif stabil antara 0.05 – 0.14% hingga 0.31 – 0.79% daripada paras harga masing-masing, dalam keadaan nisbah pusing ganti yang lebih rendah sedikit. Kadar faedah dan dedahan risiko ekuiti bank masing-masing tidak berubah pada 4.8% dan 0.6% (S3 12: 4.8% dan 0.6%) daripada asas modal. Dedahan penanggung insurans kepada risiko faedah dan ekuiti juga terkawal masing-masing pada 3.7% dan 6.6% (S3 12: 3.2% dan 6.4%) daripada jumlah modal yang tersedia.

Sistem Perbankan: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Potensi risiko yang timbul daripada dedahan langsung institusi kewangan kepada Eropah dan daripada aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan Eropah kekal terhad. Dedahan kredit langsung sektor perbankan dan insurans kepada Eropah masing-masing mencakupi kurang 10% daripada modal asas bank dan 0.3% daripada modal penanggung insurans yang tersedia. Bank Eropah yang diperbadankan di Malaysia terus melaporkan keuntungan yang kukuh dan tidak menunjukkan pemberhentian pekerja dalam operasi mereka di Malaysia, seperti yang dibuktikan oleh bahagian pasaran aset, pinjaman dan deposit yang stabil.

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan untuk menghadapi keadaan yang mungkin sukar

Sektor perbankan telah dinilai dan didapati mempunyai keupayaan untuk menghadapi kejutan dalam makro ekonomi dan pasaran kewangan, dengan penampan modal yang lebih daripada RM80 bilion pada akhir tahun 2012. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing meningkat kepada 13.4% (S3 12: 13.2%) dan 15.2% (S3 12: 14.9%). Bank-bank juga berada dalam kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan Basel III yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Januari 2013. Bank-bank juga terus mengekalkan modal berkualiti tinggi yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan, premium saham dan rizab, yang mencakupi 85% daripada jumlah modal. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupan modal yang mantap sebanyak 222.3% (S3 12: 218.6%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM22.5 bilion.

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keberuntungan sistem perbankan meningkat kepada RM7.7 bilion (S3 12: RM7.4 bilion) disebabkan oleh keuntungan perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi, serta

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2011		2012				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun
	RM juta		RM juta			Perubahan tahunan (%)	
Insurans Hayat & Takaful Keluarga							
Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan	4,314.5	12,641.7	5,240.7[1]	4,365.8	17,635.1	1.2	39.5
Insurans Am & Takaful Am							
Keuntungan kendalian	234.3	1,787.1	688.4	882.6	2,926.7	276.7	63.8
Nisbah tuntutan (%)	65.8	65.8	58.7	57.3	57.3	-1.4 (mata peratusan)	-1.4 (mata peratusan)

[1]Peningkatan ketara disebabkan oleh keuntungan besar, sekali sahaja dalam segmen insurans hayat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pendapatan fi. Pendapatan perdagangan dan pelaburan bersih adalah 22% lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya susulan perkembangan yang menggalakkan dalam pasaran kewangan. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing mampan pada 1.6% (S3 12: 1.6%) dan 17.5% (S3 12: 17.7%).

Industri insurans dan takaful terus mencatat keberuntungan pada suku keempat. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga berjumlah RM4.4 bilion (S3 12: RM5.2 bilion) pada suku keempat. Kemerosotan keuntungan disebabkan oleh keuntungan besar sekali sahaja pada suku ketiga berkaitan dengan penjualan aset pelaburan oleh salah satu penanggung insurans. Selepas membuat pelarasan bagi keuntungan besar ini, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan pada suku keempat meneruskan trend menaik yang dilihat pada sepanjang tahun 2012. Penanggung insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi, iaitu RM882.6 juta (S3 12: RM688.4 juta) disebabkan oleh prestasi pengunderaitan yang lebih menggalakkan hasil daripada pengurangan tuntutan yang ditanggung. Yang ketara, nisbah tuntutan bagi perlindungan 'akta motor' (perlindungan insurans mandatori di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987) bertambah baik kepada 237.1% (S3 2012: 242.2%).

Daya tahan sistem perbankan juga disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem. Penampan mudah tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh satu minggu dan satu bulan masing-masing kekal selesa pada 16.9% dan 16.2% daripada jumlah deposit (S3 12: 17.3% dan 17%). Penempatan bersih oleh bank dengan BNM yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan berjumlah lebih daripada RM114 bilion. Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada satu bulan meningkat semula kepada lebihan sebanyak RM3.1 bilion pada suku keempat daripada kekurangan sebanyak RM4.1 bilion pada suku ketiga manakala kedudukan ketakpadanan dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu terus mencatat kedudukan lebihan.

Persidangan Perbankan ASEAN ke-19, 2012
"ASEAN: Ke arah pasaran yang lebih bersepadu"
Kuala Lumpur, 7 November 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Ketika kita memasuki fasa globalisasi yang baharu, peranan Asia dalam ekonomi dunia dari segi kepentingan dan pengaruhnya kini sedang melalui perubahan yang ketara. Ekonomi ASEAN merupakan sebahagian besar daripada proses ini. Trend ini menjadi lebih nyata berikutan krisis kewangan global. Setelah lima tahun krisis ini berlaku, ekonomi dunia terus menghadapi cabaran untuk mengekalkan pemulihan yang berterusan. Penstrukturan semula dan pembaharuan sektor kewangan, serta pelarasan struktur yang sedang dilaksanakan oleh ekonomi yang terjejas akibat krisis ini, bukan sahaja akan mengambil masa untuk membuahkan hasil, malahan usaha ini juga akan melibatkan kos kepada ekonomi pada jangka masa pendek.

Meskipun pasaran sedang pesat membangun seperti yang terdapat di rantau ASEAN tidak terlindung daripada perkembangan ini, rantau ini telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa dalam tempoh ini. Rantau ASEAN telah mendapat manfaat daripada penstrukturan semula dan pembaharuan kewangan selama satu dekad ekoran krisis kewangan Asia. Selain itu, pelarasan struktur yang dilaksanakan dalam tempoh ini yang telah menghasilkan ekonomi yang lebih pelbagai, dengan sumber domestik menjadi semakin penting dalam mengekalkan prestasi pertumbuhan. Prospek pertumbuhan yang lebih menggalakkan di rantau ini juga disokong oleh asas-asas yang secara relatif mantap, termasuk kedudukan luaran dan fiskal yang kukuh, keadaan makroekonomi yang stabil, kadar pengangguran yang rendah dan sistem kewangan yang berdaya tahan. Keadaan ini juga membolehkan rantau ini menguruskan aliran modal yang besar dan tidak menentu seperti yang dihadapi ketika ini dengan lebih baik, lantas mengurangkan kesan ketidakstabilan kepada aktiviti ekonomi. Asas-asas yang kukuh ini membantu ekonomi ASEAN menghadapi perkembangan luaran yang mencabar serta meletakkan rantau ini pada kedudukan yang baik untuk merealisasikan sepenuhnya potensi ASEAN sebagai pusat pertumbuhan yang dinamik.

Saya amat berbesar hati kerana dapat hadir untuk berucap pada Persidangan Perbankan ASEAN yang ke-19 ini, yang dianjurkan oleh Persatuan Bank-Bank Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) di Kuala Lumpur pada tahun ini. Persidangan ini berlangsung pada masa yang penting bagi rantau ASEAN memandangkan rancangan yang mantap sedang dilaksanakan untuk mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC) menjelang tahun 2015. Rangka tindakan AEC yang diterima pakai oleh pemimpin ASEAN pada tahun 2007 menjangkakan ASEAN menjadi pasaran dan pusat pengeluaran tunggal yang bercirikan pergerakan tanpa had barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga kerja mahir, serta aliran modal yang lebih bebas. Meskipun dilanda krisis kewangan global baru-baru ini, usaha untuk merealisasikan wawasan ini kekal teguh dan disokong dengan baik oleh asas-asas kukuh yang sedia ada serta prospek pertumbuhan yang amat besar bagi ASEAN pada jangka masa sederhana sehingga jangka masa yang lebih panjang. Ucapan saya pada hari ini akan memberikan tumpuan kepada elemen prospek bagi ekonomi ASEAN, serta tahap integrasi kewangan ASEAN dan kepentingannya dalam meningkatkan potensi pertumbuhan serantau. Ucapan saya

akan disudahi dengan beberapa pandangan mengenai prasyarat penting bagi sektor perbankan melangkah ke masa hadapan.

Prospek bagi Ekonomi ASEAN

Pada masa ini, ASEAN merupakan salah satu daripada rantau yang paling dinamik dan paling pesat membangun dalam ekonomi dunia. KDNK rantau ASEAN dijangka meningkat tiga kali ganda kepada USD3 trilion menjelang tahun 2017 berbanding dengan dekad sebelumnya. Pengembangan ekonomi dijangka mampan pada kadar 5.8% pada lima tahun akan datang, jauh melebihi pertumbuhan global. Seiring dengan ini ialah peningkatan ketara penduduk kelas pertengahan. Bank Pembangunan Asia menganggarkan bahawa bahagian penduduk kelas pertengahan ASEAN dijangka meningkat kepada 65% menjelang tahun 2030, dan seterusnya menyumbang kepada perubahan landskap pengguna global. Bilangan penduduk yang besar, iaitu sebanyak 600 juta orang, menekankan peranan ASEAN yang semakin berkembang sebagai pusat pasaran pengguna yang penting yang mempunyai keperluan yang berbeza dan kuasa beli yang meningkat. Memandangkan bahagian penduduk yang bekerja di ASEAN dianggarkan mencecah 58% menjelang tahun 2050, kelebihan demografi (demographic dividend) dan tenaga kerjanya yang besar akan memberi manfaat kepada ASEAN.

Seiring dengan trend ini ialah peningkatan keusahawanan di rantau ASEAN. Kemunculan perniagaan tempatan yang berpotensi menjadi syarikat tempatan dan syarikat multinasional yang besar telah mendapat perhatian dan keutamaan yang harus diberikan bagi menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada masa ini, PKS mencakupi 50% - 85% pekerjaan dalam negeri ekonomi ASEAN dan 30% - 50% daripada KDNK. Memandangkan sumbangan kepada pendapatan dan pekerjaan yang dijana oleh sektor ini besar, pembangunannya akan menjadi sangat penting untuk mewujudkan pekerjaan dan pertumbuhan jangka panjang yang mampan dalam ekonomi ASEAN. Dalam sektor korporat, syarikat dan perniagaan tempatan telah berjaya memperkukuh kehadiran mereka di rantau ini, seperti yang terbukti oleh penyertaan serantau mereka yang berkembang dan aktiviti pemerolehan merentas sempadan yang bertambah daripada USD10.9 bilion pada separuh pertama tahun 2011 kepada USD26.2 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2012. Aktiviti ekonomi yang memberangsangkan ini disokong dengan baik oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan untuk perniagaan di rantau ini serta institusi kewangan yang berpusat di ASEAN yang berdaya tahan dan kukuh.

Akhir sekali, ASEAN juga menjadi destinasi pelaburan langsung asing yang menarik bukan sahaja disebabkan oleh persekitaran makroekonominya yang stabil tetapi juga disebabkan oleh saiz pasarannya serta sumber aslinya yang sangat banyak. Kedudukan ASEAN yang berhampiran dengan pasaran utama seperti China dan India mengukuhkan lagi statusnya sebagai peserta rantaian nilai global yang penting serta pusat pengeluaran pilihan bagi banyak syarikat multinasional. Pada tahun 2010, pelaburan langsung asing yang memasuki rantau ini mencatat pertumbuhan yang mengagumkan sebanyak lebih daripada 100% berbanding dengan tahun sebelumnya. Hubungan yang kukuh antara negara ASEAN juga disokong oleh perdagangan intrarantau yang terus meningkat, yang kini mencakupi 25% daripada jumlah perdagangan ASEAN. Melangkah ke hadapan, trend ini dijangka berterusan. Pasaran pengguna yang semakin besar dan pengembangan rangkaian pengeluaran di Asia akan terus menjadi pemacu utama dalam menggalakkan peningkatan perdagangan intrarantau ini. Selain itu, langkah yang diambil untuk merangsang pelaburan serta pembangunan infrastruktur akan mengukuhkan lagi trend ini.

Integrasi serantau: model ASEAN

Kita kini hampir pada masa yang sangat memberangsangkan bagi ASEAN memandangkan wawasan komuniti ekonomi ASEAN pada tahun 2015 semakin menjadi kenyataan. Jika wawasan AEC merupakan

aspirasi ketika mula-mula dirumuskan, wawasan tersebut kini ternyata sangat penting. Hal ini telah mendorong usaha semakin giat bagi merealisasikan komuniti ekonomi ASEAN yang bersepadu, terutamanya melalui pencapaian integrasi kewangan yang lebih kukuh, tahap perdagangan intrarantau yang lebih tinggi dan aliran pelaburan rentas sempadan dua hala yang lebih besar. Seperti kebanyakan blok serantau lain, proses integrasi ASEAN berusaha menggalakkan kesalinghubungan yang lebih erat, yang seterusnya akan mengembangkan dan mengukuhkan potensi pertumbuhan rantau ASEAN. Walau bagaimanapun, proses integrasi rantau ini telah mengikut haluannya sendiri. Memandangkan ekonomi di dalam ASEAN bersifat pelbagai, model integrasi yang diterapkan untuk ASEAN memberikan tumpuan kepada (i) mengukuhkan prasyarat menerusi bina upaya secara kolektif bagi menggalakkan akses pasaran yang lebih terbuka dalam kalangan ekonomi di ASEAN; (ii) mengurangkan halangan secara berperingkat-peringkat bagi memudahkan perdagangan rentas sempadan; (iii) membangunkan infrastruktur pasaran dan persekitaran yang menyokong bagi menggalakkan pengantaraan aliran kewangan rentas sempadan yang cekap dan berkesan; dan (iv) mewujudkan perlindungan yang sewajarnya bagi kestabilan sistem kewangan.

Integrasi kewangan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat menerusi model ASEAN ini merupakan strategi yang telah memberi manfaat kepada rantau ini dan membolehkan integrasi yang lebih teguh berdasarkan ketersediaan dan kekukuhan sektor kewangan. Sejak tahun 2007, ASEAN telah mencapai kemajuan yang pesat dalam usahanya untuk memperkukuh integrasi kewangan. ASEAN telah meliberalkan secara beransur-ansur dan berturutan subsektor perkhidmatan kewangan yang telah dikenal pasti menerusi Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services, AFAS). Lima pusingan rundingan telah selesai, dan rundingan pusingan keenam dijangka selesai menjelang tahun hadapan. Bagi bidang pasaran kewangan, Pelan bagi Pasaran Modal Bersepadu (Plan for an Integrated Capital Market) telah dirumuskan untuk meningkatkan akses pasaran, hubungan dan mudah tunai. ASEAN juga telah mencapai kemajuan yang ketara dalam bidang pembiayaan sokongan untuk pembangunan infrastruktur, dengan penubuhan Dana Infrastruktur ASEAN (ASEAN Infrastructure Fund) pada tahun 2011. Namun demikian, pemacu utama bagi integrasi kewangan yang lebih besar dalam teras sistem kewangan ASEAN ialah sektor perbankan. Bank-bank ASEAN mempunyai peranan penting dalam menyokong proses integrasi kewangan. Sepanjang dekad yang lalu, kita telah menyaksikan institusi kewangan ASEAN menjadi semakin penting di rantau ini, didorong oleh asas perniagaan yang meningkat di rantau ini serta keupayaan institusi kewangan yang diperkukuh. Bank perdagangan ASEAN merupakan penggembleng utama dana kewangan, dan pengalaman menunjukkan bahawa sektor perbankan merupakan komponen yang paling matang dalam sektor kewangan bagi kebanyakan negara. Oleh itu, sektor perbankan berperanan sebagai saluran penting untuk meningkatkan hubungan antara semua negara ASEAN dan merangsang integrasi kewangan.

Bagi tujuan ini, bank-bank pusat di ASEAN telah mengesahkan Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN pada tahun 2011 dan kini dalam peringkat akhir untuk melancarkan rangka kerja bagi integrasi sektor perbankan. Ini akan membuka jalan bagi penyertaan yang lebih bermakna oleh bank ASEAN yang layak di rantau ini, sambil menggalakkan kestabilan kewangan serantau. Menyedari akan kepelbagaian ekonomi ASEAN dan peringkat pembangunan sektor kewangan yang berbeza, rangka kerja ini memberikan fleksibiliti kepada negara ASEAN untuk menyertai proses integrasi berdasarkan ketersediaan dan kesanggupan mereka. Di bawah rangka kerja ini, bank ASEAN yang layak dan yang mempunyai keupayaan serta diurus dengan baik akan berperanan sebagai pemimpin serantau, dan akan diberikan akses yang lebih fleksibel dalam pasaran serantau. Lebih fleksibiliti juga akan diberikan bagi memudahkan rancangan pengembangan

serantau bank-bank ASEAN berkelayakan untuk menjadi saluran pengantaraan kewangan yang penting di rantau ini. Peluang yang besar boleh diraih daripada rangka kerja baharu ini. Oleh itu, saya mengalu-alukan dan berharap penyertaan yang lebih besar oleh institusi kewangan daripada semua negara ASEAN dalam proses ini.

Prasyarat penting untuk sektor perbankan melangkah ke hadapan

Di sini, izinkan saya beralih kepada prasyarat penting untuk sektor perbankan melangkah ke hadapan. Komuniti antarabangsa sedang membuat pertimbangan semula dasar-dasar sistem perbankan akibat krisis global baru-baru ini. Hal ini mendorong dan membentuk pelbagai pembaharuan pada peringkat global. Saya ingin menyentuh dengan ringkas empat perkembangan yang boleh dijadikan asas perbankan mampan dalam tempoh jangka sederhana dan jangka lebih panjang. **Pertama**, mengurangkan tahap kompleksiti dan meningkatkan ketelusan sektor perbankan. Selaras dengan model perbankan yang lebih tradisional di rantau ini, kini terdapat keperluan untuk kembali kepada perbankan asas yang diasingkan dengan jelas daripada aktiviti pengambilan risiko yang lebih tinggi. Usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih meluas untuk mewujudkan sistem kewangan global yang lebih selamat yang mempunyai pasaran dan institusi yang lebih telus, kurang kompleks dan hutang yang kurang berbanding dengan keadaan pada hari ini.

Meskipun sektor perbankan di ASEAN belum mencapai tahap kompleksiti seperti yang diperhatikan dalam ekonomi maju, namun rantau ini perlu berhati-hati terhadap akibatnya apabila institusi kewangan menjadi semakin berorientasikan serantau. Pertumbuhan yang sedemikian perlu setara dengan keupayaan dan kebolehan institusi kewangan dan pengawal selia untuk mengurus dan menyelia risiko yang berkaitan. Keamatan dan keberkesanan penyeliaan yang diperkukuh, iaitu komponen teras dalam pembaharuan sektor kewangan, merupakan tonggak penting dalam mengawal inovasi dan pengambilan risiko yang tidak terkawal serta menggalakkan insentif yang kukuh bagi pengurusan risiko secara berhemat. ASEAN perlu mencari hasil yang memudahkan inovasi dan kecekapan, tanpa mengakibatkan risiko yang tidak wajar dan kos yang tidak diingini kepada sistem kewangan dan ekonomi keseluruhan.

Kedua, lebih tumpuan diberikan kepada amalan perniagaan kewangan yang lebih bertanggungjawab dan mampan. Susulan krisis kewangan global yang berlaku baru-baru ini, terdapat penekanan yang lebih kuat pada peringkat antarabangsa terhadap mekanisme terlaras risiko yang sesuai, terutamanya rangka kerja pembayaran ganti rugi, yang memberikan insentif untuk inovasi kewangan dan pertumbuhan, dan pada masa yang sama, tidak menjejaskan kestabilan kewangan. Ini termasuk tekanan yang bertambah terhadap institusi kewangan dan pengawal selia supaya mempunyai sistem insentif, tadbir urus, akauntabiliti dan kawalan untuk menangani isu memberi penekanan yang berlebih-lebihan pada prestasi jangka pendek, pengambilan risiko secara sewenang-wenangnya, serta percanggahan kepentingan yang berleluasa. Selaras dengan ini, lebih tumpuan diberikan untuk mendorong aktivisme pengguna sebagai cara untuk menggalakkan amalan perniagaan yang lebih bertanggungjawab dan mampan. Dalam bidang inilah institusi kewangan boleh memainkan peranan penting bagi mewujudkan amalan dan tingkah laku positif dalam kalangan peserta kewangan dalam industri, selain menyumbang ke arah meningkatkan tahap pendidikan kewangan dan kesedaran pengguna.

Ketiga, ialah meningkatkan keberkesanan dan akauntabiliti lembaga pengarah, serta tadbir urus institusi kewangan yang kukuh. Susulan krisis kewangan global, amalan tadbir urus korporat dalam industri kewangan telah diteliti dengan rapi. Penekanan yang lebih tinggi diberikan kepada pihak pengurusan, lembaga

pengarah institusi kewangan dan pengawal selia untuk menambah baik amalan tadbir urus dengan nyata, terutamanya dalam bidang dasar dan prosedur pengurusan risiko. Pada peringkat antarabangsa, penambahbaikan yang besar telah dibuat terhadap standard tadbir urus korporat. Oleh itu, pengembangan bank ASEAN yang semakin meluas di rantau ini perlu diiringi dengan penekanan yang lebih oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan untuk memimpin dan mengawasi risiko di seluruh kumpulan yang timbul daripada operasi rentas sempadan. Kepelbagaian latar belakang lembaga pengarah yang berupaya memahami perbezaan budaya serta dinamik daya saingan dalam pasaran yang berbeza adalah penting bagi menyokong operasi rentas sempadan institusi yang mampan.

Keempat ialah mengukuhkan penampan untuk menghadapi kejutan pada masa hadapan. Ini merupakan bidang utama dalam pakej pembaharuan antarabangsa yang bermatlamat untuk meningkatkan daya tahan sistem kewangan antarabangsa dengan nyata serta menggalakkan aktiviti pengambilan risiko yang mantap. Standard ini akan memastikan institusi kewangan memegang jumlah modal yang lebih besar, termasuk penampan yang boleh digunakan apabila berlaku kerugian. Pada masa yang sama, standard ini juga menghendaki institusi perbankan mengukuhkan dengan ketara kedudukan mudah tunai dan pendanaan mereka. Secara kolektif, standard ini bermatlamat untuk mengukuhkan keupayaan institusi perbankan untuk terus menyokong pengantaraan kredit dengan teratur, terutamanya semasa tempoh ketidakstabilan. Meskipun memegang ekuiti yang lebih banyak melibatkan kos modal yang lebih tinggi kepada bank, terutamanya dalam masa jangka pendek, namun pelaburan ini akan menyokong sistem kewangan dan ekonomi global keseluruhan yang lebih stabil serta memupuk keyakinan para pengguna dan pelabur, terutamanya dalam tempoh terdapatnya tekanan.

Dengan mempertimbangkan prasyarat ini, masa ini merupakan masa yang paling tepat untuk industri memikirkan dan melaksanakan usaha untuk membina semula dan mengukuhkan asas untuk kewangan yang lebih mampan. Perkara penting dalam hal ini ialah kesedaran bahawa pewujudan nilai pemegang saham pada jangka panjang adalah selaras, dan tidak bercanggah, dengan pengambilan risiko secara berhemat dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Sesungguhnya, institusi kewangan yang mempunyai operasi serantau di ASEAN berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan di negara mereka beroperasi. Pulangan yang amat besar boleh diraih daripada pelaksanaan strategi yang mampan seperti ini. Komitmen jangka panjang terhadap ASEAN bukan sahaja akan menyumbang kepada pertumbuhan serantau yang saling memperkuat dan terkait, malah juga akan menjadi sumber kestabilan yang penting kepada rantau ini.

Rumusan

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya. Aspirasi ASEAN 2015 akan dicapai dalam tempoh kurang daripada tiga tahun. Meskipun masih terdapat banyak cabaran, ASEAN berada pada kedudukan yang baik untuk maju ke hadapan secara kolektif ke arah wawasan yang dikongsi bersama iaitu pasaran tunggal ASEAN. Industri kewangan mempunyai peranan yang penting dalam merealisasikan wawasan ini, melalui amalan pasaran, strategi perniagaan dan penglibatan dalam inisiatif kerjasama dalam negeri dan serantau. Persidangan ini menyediakan platform strategik yang sangat baik untuk industri ASEAN bertemu, berkongsi idea dan memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai isu penting ke arah pembinaan asas yang lebih kukuh bagi pertumbuhan yang mampan di ASEAN. Dengan itu, saya mengucapkan selamat bersidang dengan produktif kepada anda semua.

Persidangan Euromoney-Qatar : "Kestabilan Kewangan Global dan Pengantarabangsaan Sistem Kewangan dalam Ekonomi Sedang Pesat Membangun" Qatar, 11 Disember 2012

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbesar hati kerana berpeluang berucap di Persidangan Euromoney-Qatar mengenai "Pengolahan Semula Kewangan Global" di Doha. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bank Pusat Qatar kerana mengundang saya untuk berucap dalam persidangan ini. Dalam persekitaran global ketika ini, tindak balas dasar global yang pelbagai dan pada tahap yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini masih belum dapat mewujudkan kestabilan kewangan dan pemulihan yang mampan dalam ekonomi dunia.

Globalisasi kewangan yang begitu pesat pada dekad ini telah menyebabkan dunia lebih saling berhubung dan saling bergantung. Walaupun sistem kewangan dan ekonomi di sebahagian besar dunia menerima kesan krisis kewangan global baru-baru ini, namun tahap pengantarabangsaan sistem kewangan masih menggalakkan, khususnya dalam ekonomi sedang pesat membangun. Ucapan saya pagi ini adalah tentang kestabilan kewangan dan pengantarabangsaan sistem kewangan dalam ekonomi sedang pesat membangun. Saya akan menyentuh tentang manfaat dan cabaran pengantarabangsaan tersebut, pengajaran yang dapat diambil daripada krisis kewangan global baru-baru ini, serta pengalaman yang dilalui Malaysia dalam pengantarabangsaan sistem kewangan.

Manfaat dan Cabaran Pengantarabangsaan Sistem Kewangan

Walaupun pengantarabangsaan sistem kewangan banyak memberikan manfaat, namun kesan daripada integrasi sistem kewangan antarabangsa yang meningkat telah mewujudkan risiko dan cabaran baharu. Kelebihan liberalisasi dan pengantarabangsaan kewangan yang meningkat adalah kerana keupayaannya untuk memupuk pengembangan sistem kewangan yang lebih cekap dan teguh. Meskipun sistem kewangan yang lebih berdaya saing akan meningkatkan kecekapan proses pengantaraan kewangan dan menyumbang ke arah pengurangan kos pengantaraan, pengawasan penyeliaan diperlukan bagi memastikan persaingan yang keterlaluan tidak mengakibatkan risiko salah penentuan harga yang memberikan kesan buruk kepada kestabilan kewangan.

Manfaat lain daripada pengantarabangsaan ialah lebih banyak peluang bagi pemindahan teknologi, kepakaran baharu dan inovasi lebih meluas serta penawaran produk baharu. Di samping itu, penyertaan asing yang meningkat dalam pasaran kewangan domestik juga menyumbang kepada peningkatan mudah tunai dan penentuan harga yang lebih berdaya saing dalam pasaran kewangan domestik serta menggalakkan pengagihan modal yang lebih cekap dalam ekonomi. Pengantarabangsaan juga dijangka menyumbang kepada pengembangan dan pembangunan pasaran kewangan domestik, khususnya pasaran modal, sekali gus membuktikan kepentingan akses kepada pembiayaan untuk aktiviti pelaburan. Apabila pasaran kewangan dalam negeri berfungsi dengan lebih cekap, mekanisme transmisi dasar monetari juga akan bertambah baik.

Sementara itu, pertambahan aliran masuk modal susulan liberalisasi akaun modal merupakan sumber tambahan bagi

pembiayaan yang juga akan menggalakkan peningkatan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Liberalisasi ini akan membolehkan ekonomi yang mempunyai lebihan dana menyalurkan dana tersebut kepada rantau yang mempunyai peluang pelaburan yang produktif, seterusnya menyumbang kepada pengagihan dana yang lebih cekap merentas sempadan antarabangsa. Hubungan kewangan merentas sempadan yang lebih kukuh berpotensi menambah peluang perdagangan dan pelaburan antarabangsa, yang membolehkan negara-negara memanfaatkan sebaiknya kelebihan berbanding dan sifat saling melengkapi masing-masing bagi memperkukuh pertumbuhan bersama. Dalam persekitaran semasa, faktor ini penting bagi memudahkan aktiviti ekonomi merentas sempadan.

Liberalisasi akaun modal dari aspek menghapuskan sekatan bagi transaksi pertukaran asing juga akan menambah fleksibiliti dalam mengurus transaksi sedemikian. Langkah ini akan meningkatkan potensi untuk mengurus risiko berkaitan dengan lebih baik, manakala peningkatan kecekapan juga akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Akhir sekali, dalam persekitaran yang lebih liberal, disiplin pasaran akan menjadi lebih baik dan seterusnya akan menggalakkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan domestik. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada tahap dedahan dan ketelusan yang wajar supaya pasaran dapat berfungsi dengan cekap.

Walau bagaimanapun, pengantarabangsaan sistem kewangan turut berdepan dengan risiko dan cabaran. Risiko penularan telah meningkat dengan ketara dari segi jangkauan dan kepantasan susulan peningkatan kesalinghubungan. Penularan boleh berlaku disebabkan oleh peristiwa dan perkembangan luar yang antaranya boleh terjadi akibat kegagalan institusi kewangan yang besar dan penting sehinggalah kepada tercetusnya peperangan atau peristiwa politik yang memberikan kesan pada peringkat serantau atau global. Sementara itu, perkembangan global termasuk limpahan dasar global juga meningkatkan ketaktentuan aliran modal yang lebih nyata. Sistem kewangan yang makin terbuka juga menyebabkan negara lebih mudah terdedah kepada kitaran ekonomi yang berlaku di bahagian lain dunia. Sistem kewangan dan ekonomi yang makin saling bergantung dan kesan penularan yang meningkat adalah antara hasil yang nyata daripada pengantarabangsaan kewangan.

Liberalisasi kewangan, misalnya, boleh memburukkan lagi implikasi tekanan kewangan daripada bahagian lain di dunia terhadap sistem kewangan domestik. Liberalisasi kewangan juga boleh meningkatkan dan memburukkan gelembung aset dan kitaran boom bust. Implikasi lain daripada liberalisasi ialah ketaksamaan pendapatan yang semakin melebar, dan juga peminggiran institusi kewangan domestik jika tidak dapat bersaing dalam persekitaran yang lebih kompetitif. Akhir sekali, turun naik aliran modal bukan sahaja memberikan kesan kepada pasaran kewangan untuk berfungsi dengan cekap malah boleh mengakibatkan ketidakjajaran kadar pertukaran yang tidak mencerminkan asas-asas ekonomi. Potensi risiko dan kelemahan ini merupakan cabaran yang berterusan bukan sahaja kepada ekonomi sedang pesat membangun tetapi juga sistem kewangan dan ekonomi yang lebih maju.

Pengajaran daripada Krisis Kewangan

Meskipun pengantarabangsaan sistem kewangan memberi manfaat, namun risiko terhadap kestabilan kewangan juga meningkat dengan ketara. Risiko ini secara amnya berpunca daripada prospek penularan yang lebih nyata ekoran peningkatan dalam tahap kesalingbergantungan. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, risiko ini adalah jauh lebih ketara kerana sistem kewangannya masih belum mencapai tahap yang lebih maju dan matang. Untuk meraih manfaat yang lebih banyak daripada pengantarabangsaan sistem kewangan dalam ekonomi sedang pesat membangun, beberapa pengajaran boleh diambil daripada krisis tersebut. Pertama, kita perlu menyedari bahawa bahagian yang berbeza dalam sistem kewangan domestik mempunyai kesalinghubungan yang rapat,

termasuk bahagian yang mungkin tidak berada di bawah skop kawal selia. Tekanan kewangan dalam suatu segmen khusus tidak lagi hanya terbatas pada segmen tersebut, malah mungkin pantas merebak kepada segmen lain dalam sistem kewangan. Oleh itu, tindak balas dasar yang khusus bagi segmen tersebut adalah tidak memadai. Tindak balas yang komprehensif diperlukan untuk memastikan keadaan tekanan tersebut tidak merebak menjadi krisis kewangan yang besar.

Kedua, keadaan yang boleh menyebabkan risiko terhadap kestabilan kewangan perlu dikenal pasti dengan lebih awal. Langkah pencegahan awal akan mengurangkan kos yang ditanggung apabila krisis melanda sistem kewangan dan ekonomi. Ketiga, pihak berkuasa pengawalseliaan perlu diberikan kuasa yang wajar untuk mengurus risiko terhadap kestabilan kewangan. Keempat, gabungan dasar yang optimum tidak hanya merangkumi tindakan dasar untuk menangani isu-isu dalam jangka terdekat tetapi juga pada masa yang sama perlu menangani masalah struktur dasar. Kelima, tumpuan perlu diberikan terhadap kepentingan persekitaran yang diperlukan untuk membolehkan dasar yang dilaksanakan mencapai hasil yang dikehendaki. Akhir sekali, untuk membantu proses membuat keputusan yang berkesan, platform dan proses tadbir urus perlu diwujudkan bagi penyelarasan dasar antara agensi dalam ekonomi dan harus diperluas untuk tindakan bersama pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Susulan krisis kewangan global baru-baru ini, tindak balas dasar pada peringkat negara adalah menyeluruh dan pada tahap yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Meskipun pelbagai reformasi kewangan pada peringkat antarabangsa telah dilaksanakan untuk mengukuhkan daya tahan sektor kewangan, namun penggubalan dasar dalam dimensi merentas sempadan adalah tidak begitu komprehensif. Keadaan ini berlaku walaupun kejutan kewangan dan ekonomi di seluruh ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa merebak pantas selepas ledakan krisis kewangan pada tahun 2008.

Walaupun menghadapi cabaran yang lebih besar, pengaturan keinstitusian bagi kerjasama dan penyelarasan dasar masih belum mencapai tahap yang berpadanan dengan tahap integrasi ekonomi dan kewangan global. Meskipun usaha secara sendirian oleh sesebuah ekonomi adalah penting, tetapi ini tidak lagi dapat menjamin kestabilan kewangan global. Ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka dan bersepadu dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa adalah antara yang paling teruk terjejas oleh perkembangan ini. Krisis kewangan memperlihatkan betapa pentingnya dimensi antarabangsa dalam sesuatu dasar.

Akhir sekali, kesan krisis kewangan yang perlu diberikan lebih perhatian ialah jurang perbezaan pendapatan yang semakin luas dalam ekonomi. Krisis kewangan baru-baru ini telah memburukkan trend ini memandangkan keadaan pengangguran yang tinggi di sesetengah negara di dunia. Pada peringkat negara, pembangunan sistem kewangan yang inklusif dan jaring keselamatan sosial akan membendung trend ini.

Pengantarabangsaan Kewangan dan Pengalaman Malaysia

Dalam usaha melaksanakan liberalisasi sektor kewangan untuk beralih kepada sistem kewangan yang lebih global, Malaysia menerapkan pendekatan secara beransur-ansur dan berperingkat. Ini bagi memastikan prasyarat yang diperlukan dapat disediakan supaya manfaat daripada peningkatan pengantarabangsaan kewangan menjadi kenyataan. Pada masa yang sama, risiko berkaitan yang wujud dalam ekonomi yang lebih terbuka dan sistem kewangan yang bersepadu pada peringkat antarabangsa dapat diurus dengan berkesan.

Tujuh prasyarat telah dikenal pasti sebagai prasyarat penting dalam proses ini. Pertama, yang perlu diberikan keutamaan ialah pembinaan kapasiti pengantara dan pengukuhan daya tahan dan daya saing sektor kewangan. Semasa krisis kewangan

Asia, sektor perbankan di Malaysia dalam keadaan amat tidak bersepadu, mempunyai lebih daripada tujuh puluh institusi perbankan yang kebanyakannya kecil dan mudah terjejas. Semasa krisis kewangan itu, langkah penyusunan semula yang menyeluruh telah dilaksanakan, dan disusuli oleh langkah penggabungan seluruh industri, didorong oleh keperluan permodalan yang lebih tinggi. Penyusunan semula tersebut mengukuhkan kedudukan institusi kewangan, manakala penyatuannya pula menghasilkan kumpulan kewangan yang lebih besar dan teguh.

Kedua ialah melaksanakan reformasi kewangan yang tertumpu pada peralihan kepada sistem kewangan yang lebih berorientasikan pasaran. Langkah ini merangkumi reformasi kadar faedah yang menyokong penentuan harga produk dan perkhidmatan kewangan dengan lebih berkesan. Persekitaran lebih berdaya saing yang diwujudkan menjadi pemacu penting bagi peningkatan tahap kecekapan dan inovasi dalam sistem kewangan.

Perhatian yang sama juga ditumpukan pada pembangunan infrastruktur kewangan, khususnya, sistem pembayaran dan penyelesaian dan pemodenan rangka kerja undang-undang bagi meningkatkan kejelasan perundangan yang mengawal selia sektor kewangan. Usaha ini merangkumi tujuh perundangan baharu yang digubal dalam bidang perbankan pusat, sistem pembayaran, perkhidmatan wang, insurans deposit dan pengawalseliaan sektor perbankan, insurans, kewangan Islam, institusi kewangan pembangunan dan koperasi. Semua usaha ini telah memberikan kepastian dan kebolehramalan dalam operasi sistem kewangan.

Pengukuhan keupayaan pengawasan Bank Negara Malaysia dan keberkesanan rejim pengawalan dan penyeliaan turut diberikan keutamaan. Langkah ini merangkumi peralihan daripada rejim pengawalan berasaskan peraturan kepada berasaskan prinsip yang dipertingkat dengan tumpuan pada amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang diperkukuh pula oleh peralihan kepada penyeliaan berasaskan risiko. Walau bagaimanapun, penyeliaan terus bersifat intrusif dengan rangka kerja intervensi yang bersifat mencegah untuk memastikan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dapat terus ditangani termasuk dalam sektor kewangan yang lebih saling berhubung pada peringkat serantau dan global.

Sejajar dengan usaha ini, pasaran sekuriti turut dibangunkan. Daripada sebuah sistem kewangan yang terlalu bergantung pada sistem perbankan untuk pembiayaan, kini sistem kewangan lebih pelbagai dengan akses lebih meluas kepada pembiayaan daripada pasaran bon dan sukuk. Pasaran sekuriti domestik kini berkembang menjadi sebahagian daripada ekosistem kewangan Malaysia yang penting, dan membantu mengurangkan penumpuan risiko dalam sistem kewangan, seterusnya memelihara kestabilan kewangan. Pasaran sekuriti Malaysia telah berkembang pesat hingga menjadi pasaran sekuriti terbesar di rantau ASEAN.

Malaysia juga membuat pelaburan yang besar dalam pembangunan tenaga mahir untuk sektor perkhidmatan kewangan. Memandangkan pentingnya peranan tenaga mahir untuk memastikan prestasi dan daya tahan sektor kewangan, pengaturan keinstitusian yang menyeluruh telah diwujudkan untuk semua peringkat industri; peringkat kemasukan, peringkat pekerjaan dan kepakaran, peringkat profesional dan kepimpinan termasuk lembaga pengarah institusi kewangan.

Akhir sekali, apabila sistem kewangan menjadi lebih bersepadu pada peringkat serantau dan antarabangsa, pengaturan kestabilan kewangan serantau juga dapat diwujudkan. Antaranya, menggalakkan inisiatif secara berkumpulan dalam bidang pengawasan serantau, pembangunan pasaran kewangan dan infrastruktur pembayaran serantau, dan penyeliaan rentas sempadan. Forum bagi penilaian risiko terhadap kestabilan kewangan serantau juga telah dianjurkan, dan usaha kini sedang dilaksanakan untuk

mewujudkan rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis yang bersepadu bagi rantau Asia. Mekanisme sokongan serantau juga diwujudkan sebagai sebahagian daripada inisiatif ini.

Dengan adanya prasyarat ini, Malaysia mengorak langkah memulakan inisiatif untuk mengantarabangsakan sistem kewangannya yang bermula pada tahun 2003. Pengantarabangsaan sektor kewangan menuntut peningkatan dalam dua bidang utama; liberalisasi sektor kewangan dan liberalisasi akaun modal. Dalam pelaksanaan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa yang lebih meluas, sasarannya adalah untuk menambah kepelbagaian sistem kewangan dari segi produk yang ditawarkan, meningkatkan lagi daya saing sistem kewangan dan mengukuhkan hubungan ekonomi dengan rantau Asia dan bahagian lain di dunia.

Liberalisasi sektor kewangan merangkumi kemasukan dan penyertaan asing dalam sistem kewangan negara. Lesen baharu dikeluarkan kepada institusi perbankan konvensional dan Islam asing, manakala kepentingan strategik asing minimum dalam industri insurans dan takaful ditambah. Lebih banyak fleksibiliti dari segi operasi juga diberikan kepada institusi perbankan asing sedia ada dalam sistem kewangan yang kini mencakupi kira-kira 30% daripada sistem perbankan. Pada masa yang sama, penyertaan asing dalam pasaran sekuriti negara telah dilonggarkan pada tahun 2007 untuk membolehkan syarikat asing memperoleh pembiayaan sama ada dalam mata wang domestik atau asing.

Liberalisasi akaun modal sepanjang dekad pertama tahun 2000-an merangkumi penghapusan sekatan secara berperingkat dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing. Liberalisasi ini dipertingkat selepas tahun 2005 apabila sistem kewangan dan ekonomi lebih bersedia mengurus aliran kewangan rentas sempadan yang kian bertambah. Pada bulan Julai 2005, Malaysia beralih daripada rejim kadar pertukaran tetap kepada rejim kadar pertukaran fleksibel bagi meningkatkan fleksibiliti untuk mengubah suai mengikut keadaan struktur yang berubah-ubah dalam ekonomi serantau dan antarabangsa. Dengan berkurangnya sekatan ini secara beransur-ansur, perniagaan kini mempunyai fleksibiliti untuk mengurus dedahan pertukaran kewangan masing-masing. Ini menggalakkan aliran modal dua hala dan membantu menstabilkan aliran modal tidak menentu yang masuk ke dalam ekonomi negara.

Akhir sekali, selain mempunyai kuasa yang diperlukan dalam perundangan baharu, instrumen rumusan dasar Bank Negara Malaysia juga telah bertambah bagi menangani potensi peningkatan ketakseimbangan kewangan dan risikonya terhadap kestabilan kewangan berikutan peningkatan pengantarabangsaan. Ini termasuk langkah kehematan makro dan penyeliaan untuk menangani secara kolektif faktor asas kestabilan kewangan. Platform juga diwujudkan bagi penyelarasan yang lebih baik antara pembuat dasar di dalam negeri, pengawal selia dan sektor awam.

Kesimpulan

Walaupun banyak pengajaran dapat diambil daripada beberapa episod krisis kewangan yang dialami oleh ekonomi dunia, namun tidak ada satu pendekatan khusus dalam liberalisasi dan pengantarabangsaan sistem kewangan. Kejayaannya bergantung pada keadaan semasa dan tahap ketersediaan sistem kewangan dan ekonomi serta keupayaannya untuk mengurus risiko berkaitan. Pengantarabangsaan bersifat separuh matang yang dilaksanakan boleh mengakibatkan keadaan ketidakstabilan yang ketara. Proses liberalisasi juga perlu bersifat pragmatik dengan mengambil kira matlamat berbeza yang perlu dicapai. Dengan pembangunan infrastruktur, perlindungan dan penampan kewangan yang wajar, ekonomi sedang pesat membangun lebih berpotensi untuk memainkan peranan dalam sistem kewangan yang lebih bersepadu pada peringkat antarabangsa, yang akan saling memperkukuh pertumbuhan dan pembangunan global.

Siri Syarahan Serantau Bank Pembangunan Islam Mengenai Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Islam
'Kewangan dan Ekonomi Benar: Mengekalkan Kemampanan'
Indonesia, 19 Disember 2012

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana diundang untuk menyampaikan syarahan perdana pada Siri Syarahan Serantau Bank Pembangunan Islam ini. Saya juga gembira kerana dapat berkunjung lagi ke kota raya Jakarta. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) atas undangan ini, dan Bank Indonesia sebagai tuan rumah bagi majlis ini.

Selama lebih tiga dekad ini, IDB telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di serata dunia, dan berkaitan dengan ini juga ialah peranannya dalam memupuk pembangunan kewangan Islam. IDB telah menyokong pembinaan infrastruktur utama antarabangsa yang penting bagi pembangunan kewangan Islam global yang teratur dan bagi memelihara kestabilan kewangan dunia. IDB juga telah menyokong usaha-usaha penyelidikan dan pendidikan dalam bidang kewangan Islam, sementara kepentingan strategiknya dalam institusi kewangan di negara-negara lain di dunia menjadi pemangkin penting penubuhan dan pengembangan institusi berkenaan. Dalam persekitaran semasa yang semakin tidak menentu, selepas krisis kewangan global baru-baru IDB akan terus memainkan peranan penting memandangkan matlamat untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dunia yang mampan kini menjadi semakin mencabar.

Ketika sistem kewangan konvensional kini sedang berhadapan dengan apa yang dikatakan sebagai tempoh penentuan, beberapa iktibar penting boleh diambil untuk usaha bersama kita membangunkan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan. Pertimbangan yang penting perlu diberikan kepada isu-isu berbangkit, dan terhadap hala tuju dasar yang akan mempengaruhi pertumbuhan dan kestabilan. Ucapan saya hari ini akan membincangkan beberapa isu ini dan cara bagaimana kewangan Islam, berdasarkan sifat dan ciri dalamannya, boleh membantu proses peningkatan disiplin, yang menyumbang kepada usaha memastikan pertumbuhan dan kestabilan kewangan dapat dicapai.

Pada dasarnya, sistem kewangan perlu menyediakan perkhidmatan kepada ekonomi benar. Tujuan sistem kewangan adalah sebagai pengantara untuk menyuaipadankan tabungan dengan pelaburan bagi tujuan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Namun, dalam beberapa dekad kebelakangan ini, beberapa faktor telah melemahkan hubungan antara pengantaraan kewangan dengan aktiviti ekonomi yang produktif. Penyahkawalan telah membuka peluang baharu kepada institusi kewangan untuk meningkatkan prestasi dan memperluas skop aktiviti mereka. Persaingan yang lebih sengit, dan diperkukuh oleh kemajuan teknologi, telah menghasilkan inovasi yang lebih pantas. Tempoh inflasi dan kadar faedah rendah yang agak panjang telah menggalakkan lagi kegiatan pengambilan risiko. Secara keseluruhannya, perkembangan ini telah menyumbang kepada ketidakseimbangan kewangan yang membimbangkan.

Kesemua ini telah mendorong kepada pemikiran semula tentang isu-isu berkaitan perniagaan kewangan dan modelnya, serta

langkah pembaharuan pengawalseliaan yang luas oleh masyarakat antarabangsa. Berkaitan dengan isu-isu ini ialah persoalan tentang saiz 'wajar' sektor kewangan. Sejajar dengan ekonomi yang terus berkembang, saiz aset sektor kewangan dan juga sumbangan nilai ditambahnya, dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang penting antara pertumbuhan sektor kewangan dengan sektor ekonomi benar, iaitu hubungan yang kurang difahami atau diambil kira dengan baik oleh model makroekonomi semasa. Ini boleh menimbulkan cabaran kepada penggubal dasar dalam menentukan titik pertumbuhan sektor kewangan yang boleh menyebabkannya mengatasi permintaan dan potensi ekonomi benar. Isu ini menjadi lebih ketara apabila kewangan serantau dan global semakin bersepadu, dan ia berlaku dalam negara-negara yang merupakan pusat kewangan antarabangsa. Apabila kenaikan pendapatan korporat dan perseorangan didorong oleh urus niaga kewangan dan bukannya oleh peningkatan dalam pengeluaran atau peluang pekerjaan, ekonomi berpotensi menjadi lebih terdedah kepada impak daripada tekanan sistem kewangan.

Krisis kewangan global baru-baru ini merupakan contoh nyata bagaimana hutang (leveraging) yang berlebihan dan pertumbuhan pesat dalam aktiviti kewangan yang terpisah daripada trajektori pertumbuhan ekonomi benar boleh menjadi suatu sumber ketidakstabilan. Hutang telah meningkat dengan nyata pada tahun-tahun menjelang krisis berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sepanjang beberapa tahun yang lalu. Dalam ekonomi maju, kedudukan kewangan bank meningkat dengan mendadak hingga mencatat pertumbuhan yang berkali-kali ganda daripada KDNK tahunan. Sebagai contoh, tiga bank terbesar di Iceland yang diambil alih kerajaan pada awal Oktober 2008 telah menyaksikan jumlah aset mereka berkembang daripada 100 peratus daripada KDNK pada tahun 2004, kepada lebih 900 peratus daripada KDNK pada akhir tahun 2007. Begitu juga di Ireland, aset dalam institusi kewangannya yang mempunyai perniagaan dalam negeri yang besar telah mencecah lebih 400 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2008, sementara di United Kingdom, aset bank adalah lebih 500 peratus daripada KDNK sebelum berlakunya krisis kewangan global. Saiz, kompleksiti dan hutang yang sangat besar dalam sistem perbankan telah menjadikan institusi kewangan lebih lemah lantas mengehadkan keupayaan institusi kewangan tersebut untuk menampung kerugian sekalipun jumlah kerugian adalah kecil, lantas mengakibatkan herotan ekonomi yang meluas dan mendalam.

Aktiviti kewangan yang semakin berkembang sebahagiannya juga disebabkan oleh aktiviti dalam sistem perbankan bayangan (shadow banking), yang di Amerika Syarikat telah menjadi lebih besar berbanding dengan sektor perbankan tradisional dari segi kasarnya. Semasa kemuncak krisis, saiz kasar derivatif global terkumpul bagi urus niaga menerusi kaunter (over-the-counter, OTC) dianggarkan melebihi USD614 trilion[1], lebih sepuluh kali ganda KDNK global. Walaupun saiznya besar, pasaran menerusi kaunter adalah tidak telus dan tidak dikawal dengan secukupnya, lantaran menyukarkan usaha mengukur risiko yang telah diambil oleh institusi kewangan.

Isu selanjutnya berkaitan dengan inovasi kewangan dan campur tangan dasar yang tidak menyekat inovasi yang bermanfaat kepada masyarakat, sambil mengawal inovasi yang berbahaya. Perdebatan semasa tentang pembaharuan kewangan antarabangsa menunjukkan bahawa ini merupakan satu tugas yang mencabar. Meskipun terdapat sokongan yang meluas untuk kembali kepada perbankan asas, adalah diakui bahawa inovasi kewangan adalah penting dalam meningkatkan tahap akses kewangan, dengan membolehkan institusi kewangan mengurus risiko dalam cara yang membolehkan aktiviti ekonomi berisiko lebih tinggi dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat juga bukti yang bertentangan. Pada tahun-tahun menjelang krisis, derivatif telah

[1] Sehingga Disember 2009. BIS Quarterly Review Statistical Annex, Jun 2010, Jadual 19.

digunakan secara meluas untuk keperluan arbitraj pengawalseliaan dan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan melalui urus niaga yang tidak telus dan kompleks lantas mengakibatkan asas yang digunakan untuk menilai kos risiko adalah tidak sepadan. Usaha pembaharuan semasa dengan itu berdepan dengan keperluan untuk mengimbangi antara usaha membendung amalan berbahaya, tanpa menyekat inovasi yang menjadi kunci kepada sistem kewangan yang progresif.

Satu lagi isu yang timbul adalah berkaitan dengan prospek untuk menyelaraskan jangkaan pelabur modal dengan elemen penting dalam perbankan yang mampan. Dalam tahun-tahun sebelum krisis, pertumbuhan sistem kewangan jauh mengatasi pertumbuhan keseluruhan ekonomi. Data yang diterbitkan[2] menunjukkan bahawa kedudukan kewangan 1,000 buah bank terbesar di dunia telah meningkat sebanyak kira-kira 150 peratus antara tahun 2001 hingga 2009. Pada kemuncaknya, jumlah aset sektor kewangan jauh lebih besar daripada jumlah aset sektor lain, dengan rekod keuntungan tertinggi pernah dicatatkan dari setahun ke setahun. Dalam persekitaran semasa, bank terus berada di bawah tekanan yang besar untuk menyokong aktiviti yang boleh menjana kadar pulangan daripada industri ini yang dikehendaki oleh pelabur modal. Ini berlawanan dengan jangkaan bahawa sistem perbankan akan kembali kepada peranan asasnya untuk menyokong aktiviti ekonomi benar. Masih belum jelas lagi sejauh mana kepentingan yang bertentangan ini boleh diselaraskan secara mampan.

Tumpuan penting dalam pembaharuan ini ialah keperluan untuk melindungi perbankan runcit daripada kegiatan perbankan pelaburan yang sering terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko yang lebih tinggi. Di Amerika Syarikat, Peraturan Volcker melarang bank daripada menjalankan beberapa jenis aktiviti perbankan pelaburan jika mereka ingin terus bergantung pada pembiayaan deposit. Begitu juga keadaannya di United Kingdom, cadangan Suruhanjaya Bebas Mengenai Perbankan telah diterima pakai, dengan kumpulan perbankan diberi mandat menubuhkan sebuah anak syarikat yang berasingan untuk aktiviti runcit mereka, dan melarang anak syarikat ini daripada menjalankan perniagaan dan mengambil risiko lain. Penyelesaian kepada kesemua cabaran ini bukannya mudah. Walaupun perkembangan ini dan pembaharuan lain oleh Jawatankuasa Basel dan Lembaga Kestabilan Kewangan dijangka mempunyai kesan jangkauan yang lebih luas terhadap landskap sistem kewangan seperti yang diketahui hari ini, ia masih belum boleh menjawab banyak persoalan penting yang perlu ditangani oleh penggubal dasar dan industri kewangan dalam usaha untuk menjadikan sistem kewangan berfungsi dengan berkesan dan terus kukuh ketika kita maju ke hadapan.

Sejak krisis kewangan global, perhatian yang lebih telah diberikan kepada usaha membentuk rangka kerja kehematan makro yang berkesan, yang boleh membendung lebihan dan mengukuhkan hubungan antara sektor kewangan dengan ekonomi benar. Konsep dasar kehematan makro bukanlah sesuatu yang baharu, malah ia telah bermula seawal lewat tahun 1970-an lagi, merujuk kepada implikasi terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan daripada pemberian pinjaman yang giat kepada negara membangun[3]. Sejak tahun 1990-an lagi, beberapa pasaran sedang pesat membangun, termasuk Asia, telah menggunakan instrumen dasar kehematan makro untuk mengurus ketidakseimbangan dalam sistem kewangan dan aliran modal.

Berikutan krisis kewangan global baru-baru ini, perhatian yang lebih kini ditumpukan pada peranan, skop, instrumen dan pengaturan tadbir urus bagi dasar kehematan makro untuk memelihara kestabilan kewangan. Mandat dasar kehematan makro yang baharu atau yang diperkukuh sedang diwujudkan oleh lebih

[2] Penerbitan The Banker.

[3] Berdasarkan artikel bertajuk "The term 'macro-prudential': origins and evolution" dalam BIS Quarterly Review, Mac 2010, yang memuatkan petikan minit mesyuarat Jawatankuasa Cooke (pengasas Jawatankuasa Basel Mengenai Penyeliaan Perbankan sekarang) yang tidak diterbitkan.

banyak negara, dengan disokong oleh pelbagai perubahan dalam rangka kerja perundangan dan struktur institusi. Dasar kehematan makro telah menunjukkan hasil yang menggalakkan dalam mengukuhkan kestabilan kewangan apabila digunakan secara berkesan dan digabungkan dengan instrumen dasar yang lain, termasuk langkah kehematan mikro dan monetari serta instrumen dasar fiskal.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan rangka kerja dasar kehematan makro secara efektif masih lagi merupakan cabaran utama. Dari segi bentuknya, dasar kehematan makro bertujuan mengurangkan kebarangkalian dan kesan buruk krisis pada masa hadapan. Walaupun penyelidikan lebih lanjut akan memperdalam pemahaman kita mengenai penunjuk utama dan saluran penyebaran, pertimbangan akan terus memainkan peranan utama. Sejarah telah menunjukkan bahawa pertimbangan ekonomi dan politik ada kalanya mempunyai kesan ke atas kesediaan penggubal dasar untuk bertindak. Walaupun krisis ini telah menyebabkan kos yang tinggi kepada sistem kewangan, ekonomi dan masyarakat, masih terdapat kecenderungan dalaman untuk tidak mengambil sebarang tindakan. Ini menekankan lagi keperluan untuk memberi tumpuan yang lebih besar terhadap usaha mewujudkan persekitaran yang akan membolehkan penggubal dasar lebih berkeyakinan untuk bertindak. Sudah tentu ini memerlukan mandat yang besar, selain instrumen dasar yang mencukupi dan struktur kebertanggungjawaban yang jelas.

Walaupun dasar kehematan makro mempunyai peranan yang jelas dan penting dalam menyumbang ke arah kestabilan kewangan pada masa akan datang, namun ia tidak mengurangkan kepentingan peranan penyeliaan kehematan mikro. Malah, tanggapan bahawa rangka dasar kehematan makro yang lebih maju, akan dengan peredaran masa, menyediakan alternatif yang berwibawa kepada penyeliaan rapi ke atas institusi kewangan sistemik – sebagai contoh, melalui pembentukkan penunjuk ramalan makro yang lebih baik, atau melalui pergantungan pada pelan pemulihan dan penyelesaian semata-mata - adalah tidak tepat. Tiada yang dapat menggantikan penyeliaan rapi yang berterusan yang dijalankan ke atas institusi kewangan, yang bergantung pada penilaian dan pertimbangan penyeliaan, dan meningkatkan pemahaman mengenai tingkah laku firma, dan model dan perancangan yang secanggih mana pun, tidak akan dapat mencapainya. Oleh yang demikian, usaha juga harus dilakukan bagi mengukuhkan lagi cara penyeliaan kehematan mikro dijalankan dan menggalakkan elemen saling melengkapi antara dasar kehematan mikro dengan makro.
Izinkan saya menyentuh tentang peranan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam menyumbang kepada agenda global untuk menjana pertumbuhan yang mampan yang ditegarkan dengan kukuh pada ekonomi benar.

Proposisi teras kewangan Islam ialah ciri dan nilai dalamannya yang bermanfaat buat ekonomi, dan potensinya yang besar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memelihara kestabilan kewangan. Proposisi teras ini lahir daripada peraturan Syariah, yang menetapkan bahawa urus niaga kewangan Islam perlu berlandaskan aktiviti produktif. Ketetapan Syariah ini adalah untuk memastikan hubungan rapat antara urus niaga kewangan dengan ekonomi benar. Inovasi dan pengantaraan dalam kewangan Islam dengan ini adalah sejajar dengan aktiviti ekonomi yang produktif. Terdapat juga halangan besar terhadap pengambilan risiko yang berlebihan dan larangan terhadap elemen spekulatif. Ketetapan Syariah ini juga berperanan untuk melindungi sistem kewangan Islam daripada hutang berlebihan, yang seterusnya menyumbang kepada usaha menggalakkan kestabilan dan kemampanan kewangan jangka panjang. Elemen asas ini adalah senada dengan seruan kepada sektor perbankan untuk kembali memberi tumpuan pada fungsi terasnya, iaitu menyediakan perkhidmatan kewangan yang memberi nilai tambah kepada ekonomi benar.

Dekad baru-baru ini juga menyaksikan transformasi ketara dalam landskap kewangan Islam. Ini ditunjukkan oleh pertumbuhan pesat dan perluasan jangkauan geografi,

lantas menghasilkan lebih banyak institusi kewangan Islam yang lebih pelbagai dan mempunyai spektrum produk inovatif yang lebih luas, khususnya dalam segmen pasaran pertumbuhan tinggi seperti pasaran sukuk. Dalam dekad ini, kewangan Islam juga telah berkembang daripada sektor yang hanya tertumpu pada sektor dalam negeri kepada sektor yang semakin bersifat antarabangsa. Dalam persekitaran yang dinamik ini, skop perniagaan kewangan Islam telah berkembang daripada hanya pembiayaan runcit yang mudah dan pembiayaan perdagangan kepada yang merangkumi pembiayaan ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan sukuk, serta pengurusan dana dan produk kekayaan. Hari ini, jumlah saiz aset kewangan Islam global melebihi USD1 trilion dan terdapat lebih 600 institusi kewangan Islam beroperasi di 75 negara.

Wawasan bagi sistem kewangan Islam di Malaysia terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan kami yang pertama yang dilancarkan pada tahun 2001, yang menggariskan rancangan untuk membina asas sistem kewangan Islam. Ini termasuk memperkukuh dan mempelbagaikan pengantara kewangan dalam sistem kewangan, membina dan membangunkan pasaran kewangan, serta menambah baik rangka kerja pengawalseliaan, Syariah dan perundangan. Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 2011, Pelan Sektor Kewangan yang baharu dilancarkan, yang menetapkan hala tuju kewangan Islam yang sedang melalui tempoh peralihan untuk berkembang pada peringkat antarabangsa, dan dengan itu akan menjadi lebih bersepadu dalam arus perdana sistem kewangan global.

Walaupun kewangan Islam mempunyai semua rumusan dan potensi untuk memenuhi keperluan ekonomi global, penyaluran dana kepada aktiviti yang produktif dalam kewangan Islam hari ini sebahagian besarnya masih dilakukan melalui kontrak yang tidak melibatkan penyertaan, yang meliputi struktur jualan harga tokokan (Murabahah) dan struktur berasaskan prinsip sewaan (ijarah), yang terus penting untuk menampung pembiayaan perdagangan dan pembelian aset. Kontrak sedemikian adalah sama seperti instrumen pemberian pinjaman yang mendedahkan kebanyakan institusi kewangan Islam kepada elemen risiko kredit. Sementara kontrak tanpa perkongsian risiko akan terus menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam yang akan datang, urus niaga dan perjanjian perkongsian risiko yang lebih meluas di bawah model kewangan yang melibatkan penyertaan (participatory finance models) mempunyai skop yang besar untuk menyediakan rangkaian produk kewangan Islam yang lebih luas, yang akan merangsang fasa pertumbuhan dan pembangunan industri ini selanjutnya. Ini termasuk kontrak yang melibatkan penyertaan atau kontrak berasaskan ekuiti seperti Mudarabah dan Musharakah yang menyokong usaha keusahawanan. Penggunaan model berasaskan ekuiti yang lebih luas dalam penyelesaian kewangan Islam dapat dilihat dalam tempoh kebelakangan ini. Perubahan yang paling jelas adalah dalam segmen sukuk, iaitu apabila struktur Syariah yang sebelum ini banyak berstrukturkan ijarah dan murabahah, berkembang kepada perkongsian musyarakah dan kontrak amanah boleh ubah dan boleh tukar.

Kemajuan selanjutnya dalam penggunaan kontrak yang melibatkan penyertaan dalam kewangan Islam pada skala yang lebih luas menawarkan potensi yang tertentu dalam usaha mengukuhkan hubungan antara kewangan dengan ekonomi benar. Beberapa elemen kontrak perkongsian risiko dan keuntungan yang melibatkan penyertaan menyokong perkara ini. Sedang perkongsian keuntungan dan kerugian dikenal pasti dengan jelas dan dipersetujui berdasarkan perjanjian kontrak antara pembiaya dengan usahawan, penekanan kukuh diberikan kepada penjanaan nilai dan daya maju ekonomi hasil daripada usaha produktif yang mencipta kekayaan baharu. Dalam kontrak berasaskan ekuiti, pengantaraan kewangan dengan itu dijuruskan ke arah penggalakkan keusahawanan, dengan ciri perkongsian risiko dan keuntungan urus niaga kewangan Islam yang ditafsirkan dengan jelas memberikan insentif yang nyata kepada kedua-dua pihak untuk menyumbang kepada kejayaan pelaburan. Langkah ini

juga menyediakan asas hubungan jangka panjang yang berlandaskan kepercayaan, dan kepentingan yang jelas bagi institusi kewangan untuk membuat usaha wajar (due diligence) yang sesuai bagi memastikan pulangan adalah sepadan dengan risiko yang diambil. Aspek tadbir urus dan pengurusan risiko dengan ini mengukuhkan kontrak-kontrak ini. Khususnya, kontrak sedemikian menuntut standard penzahiran dan ketelusan yang lebih tinggi, seterusnya berperanan mengukuhkan disiplin pasaran.

Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan perlu diselaraskan untuk memberi kejelasan yang lebih baik bagi layanan undang-undang dan pengawalseliaan yang wajar bagi memupuk pertumbuhan struktur dan aktiviti perkongsian risiko yang kukuh dan teratur, dari segi pembiayaan dan aset bank-bank Islam. Di Malaysia, langkah-langkah sedang diambil untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi fasa pembangunan selanjutnya yang akan merangsang lebih banyak urus niaga perkongsian risiko menerusi penggubalan undang-undang baharu perbankan Islam dan takaful. Undang-undang ini kini sedang dalam peringkat akhir proses enakmen. Undang-undang baharu bagi industri ini bertujuan mewujudkan kepastian terhadap layanan undang-undang dan pengawalseliaan urus niaga kewangan Islam dengan memberi pengiktirafan undang-undang kepada keperluan kontrak mengikut peraturan Syariah. Langkah ini menyediakan persekitaran perundangan yang komprehensif, dengan aktiviti pengambilan risiko dan perkongsian keuntungan yang berkesan, merangkumi semua aspek urus niaga kewangan Islam, daripada keperluan kehematan dan pengendalian perniagaan hinggalah kepada layanan perundangan aset perbankan Islam apabila urus niaga tersebut selesai, yang perlu konsisten sepenuhnya dengan ciri-ciri tersendiri kontrak Syariah masing-masing yang digunakan dalam urus niaga.

Rangka kerja perundangan ini juga akan meningkatkan lagi keupayaan rangka kerja pengawalseliaan industri kewangan Islam Malaysia untuk berkembang dengan lebih baik sejajar dengan standard pengawalseliaan dan amalan terbaik yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) untuk menetapkan keperluan khusus urus niaga kewangan Islam. Bagi memperlengkap usaha mengukuhkan undang-undang pengawalseliaan bagi kewangan Islam, Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang pada tahun 2010 untuk menjalankan kajian secara objektif terhadap undang-undang berkaitan yang lain dan menyarankan perubahan perundangan untuk memastikan undang-undang di negara ini akan membenarkan urus niaga kewangan Islam dilaksanakan dengan cekap lagi berkesan.

Satu lagi dimensi penting dalam memupuk pembangunan instrumen perkongsian risiko dan keuntungan selanjutnya ialah keperluan untuk memastikan keutuhan institusi kewangan Islam dan keupayaannya yang lebih tinggi untuk menilai risiko dalam sektor ekonomi benar. Ini menekankan kepentingan keupayaan pengurusan risiko yang teguh untuk mengurus risiko baharu, khususnya bagi kontrak perkongsian risiko dan keuntungan serta penerapan amalan tadbir urus, ketelusan dan penzahiran yang mantap dalam institusi kewangan Islam untuk memenuhi keperluan usaha wajar bagi menentukan daya maju cadangan perniagaan dan pelaburan.

Risiko perniagaan bagi kedudukan ekuiti dan risiko pemilikan aset dasar sebagai contoh, telah termaktub dalam pengaturan ini berikutan hubungan kontrak antara pelabur dengan usahawan, dan juga institusi perbankan Islam sebagai pengantara dana. Penyelidikan gunaan yang lebih mendalam juga perlu untuk membangunkan produk kewangan yang lebih inovatif dengan menggunakan struktur perkongsian risiko dan keuntungan dengan

kemajuan dalam teknik pengurusan risiko. Usaha ini juga perlu diperkukuh dengan menambah baik inisiatif perlindungan dan pendidikan pengguna untuk memperdalam pemahaman dan kesedaran pengguna tentang risiko dan ganjaran yang berkaitan seperti dalam kontrak kewangan Islam, khususnya bagi instrumen berasaskan ekuiti.

Sama pentingnya dalam memastikan kekukuhan institusi kewangan Islam ialah keperluan untuk mengurus mudah tunai dengan amat baik. Hari ini, institusi kewangan Islam yang beroperasi dalam negara yang berbeza masih berdepan dengan cabaran mengurus kedudukan mudah tunai mereka dengan berkesan memandangkan kurangnya penawaran instrumen mudah tunai Syariah berkualiti tinggi, iaitu penyebab yang sering disebut. Kekurangan instrumen mudah tunai berkualiti tinggi untuk kewangan Islam bukan sahaja menghalang pengurusan mudah tunai yang berkesan bahkan turut menjejaskan kecekapan mempelbagaikan aliran kewangan merentas sempadan. Oleh itu, adalah menjadi harapan kita agar melalui mandat yang diberikan kepada Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) untuk menerbitkan sukuk mudah tunai berkualiti tinggi, akan dapat menyumbang ke arah menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih cekap oleh institusi kewangan Islam, sambil membantu institusi kewangan memenuhi keperluan mudah tunai antarabangsa.

Izinkan saya merumuskan ucapan saya ini. Meskipun evolusi landskap kewangan global kini sedang dibentuk ekoran keperluan untuk mengembalikan semula kewangan kepada fungsi asasnya iaitu menyediakan perkhidmatan kepada ekonomi benar, beberapa persoalan kritikal masih wujud, yang jawapannya sudah tentu akan mempunyai kesan penting kepada agenda global untuk membina sistem kewangan yang kukuh dan berdaya tahan, yang menggalakkan pertumbuhan yang mampan. Khususnya, menentukan saiz sektor kewangan yang wajar secara relatif dengan ekonomi sebelum ia menjadi ancaman kepada keseluruhan sistem kewangan dan kestabilan ekonomi; menggalakkan keadaan yang memastikan inovasi kewangan akan memberi manfaat kepada ekonomi; dan meningkatkan prospek untuk menyelaraskan kehendak pelabur modal dengan strategi perbankan yang lebih mampan. Kesemua ini merupakan cabaran besar yang perlu ditangani oleh penggubal dasar pada masa akan datang.

Masyarakat dunia telah mencapai beberapa kejayaan besar namun masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk mencapai keseimbangan yang wajar antara memelihara keselamatan dan kekukuhan sistem kewangan dan membenarkan institusi dan pasaran kewangan melaksanakan fungsi mereka yang telah ditetapkan. Oleh itu, kita sebenarnya masih mempunyai pilihan dasar. Peranan dasar kehematan makro dan perkembangan dalam kewangan Islam telah mendapat keutamaan yang lebih besar dari segi potensinya untuk meningkatkan kestabilan kewangan, dan yang paling nyata ialah melalui sumbangan penting mereka untuk mengembalikan asas bagi kewangan yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, sekali gus membawa bersamanya manfaat yang amat besar kepada ekonomi benar dan kesejahteraan hidup seluruh masyarakat.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2012

22 Oktober 2012

Bank mengumumkan pengeluaran Piawaian Syariah bagi Mudarabah untuk semua institusi kewangan Islam di bawah kawal selianya. Pengeluaran Piawaian Syariah bagi Mudarabah ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Bank untuk terus menambah baik rangka kerja Syariah dan pengawalseliaan di Malaysia. Piawaian ini akan menjadi garis panduan buat institusi kewangan Islam dalam membangunkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam berasaskan Mudarabah. Piawaian Syariah bagi Mudarabah merupakan piawaian kedua yang dikeluarkan dalam siri Piawaian Syariah (dahulu dikenali sebagai Parameter Syariah). Piawaian pertama ialah Piawaian Syariah bagi Murabahah.

30 Oktober 2012

Bank Negara Malaysia (Bank) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meningkatkan pengawasan pengawalseliaan bersama. MoU ini terus mengukuhkan MoU terdahulu yang ditandatangani oleh Bank dan SC pada tahun 2002 dan 2007 dan mengambil kira perubahan landskap kewangan dan rejim pengawalseliaan antarabangsa yang baharu.

MoU ini menggariskan skop kolaborasi dan kerjasama yang lebih luas antara Bank dengan SC, dengan tumpuan pada bidang kepentingan bersama yang penting untuk menggalakkan kestabilan sektor kewangan dan pasaran modal. Ini termasuk langkah menguruskan ancaman terhadap kestabilan kewangan dan risiko sistemik, termasuk penyeliaan kumpulan kewangan, pengurusan krisis kewangan, penyeliaan pasaran wang dan pasaran derivatif, pembanterasan ancaman yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta penyeliaan juruaudit institusi kewangan.

5 - 9 November 2012

Bank dan International Finance Corporation (IFC) bersama-sama menganjurkan Bengkel Latihan Pelaporan Kredit dan Pengurusan Risiko Ke-4. Lebih 150 pengawal selia, ahli bank pusat serta pakar bidang pelaporan kredit dan kewangan dari seluruh dunia menyertai bengkel ini untuk menggalakkan amalan terbaik mengenai pelaporan kredit, penskoran, pembentukan model, pengurusan risiko serta pembaharuan sistem pelaporan kredit.

Bank berkongsi pengalamannya mengenai Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) yang menyumbang ke arah keputusan pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab, yang telah membawa Malaysia kepada kedudukan teratas untuk lima tahun berturut-turut dari segi Kemudahan Mendapat Kredit dalam *Doing Business Report*, terbitan bersama International Finance Corporation dan Bank Dunia.

5 - 6 November 2012

Bank dan *Irving Fisher Committee on Central Bank Statistics* secara bersama menganjurkan bengkel Penunjuk Rangkuman Kewangan yang berlangsung selama dua hari di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Bengkel ini mempertemukan penggubal dasar rangkuman kewangan dan perangkawan dari seluruh dunia untuk mencapai persefahaman dan kesepakatan yang lebih jitu terhadap isu berkaitan pengukuran dan penunjuk rangkuman kewangan.

Bengkel ini turut disertai wakil daripada Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, *Global Partnership for Financial Inclusion, Consultative Group to Assist the Poor, Alliance for Financial Inclusion* dan *International Finance Corporation*. Peranan institusi kewangan dalam pembangunan ekonomi secara keseluruhan turut dibincangkan.

Bengkel ini disusuli oleh Persidangan Statistik Kebangsaan (MyStats 2012) anjuran bersama Bank dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Dengan tema "Mempertingkat Statistik Negara bagi Memenuhi Keperluan Sektor Awam dan Swasta dalam Tempoh Transformasi", persidangan ini menyediakan platform kepada perangkawan, penganalisis, ahli ekonomi, penggubal dasar, ahli akademik dan pengamal media untuk berkongsi, berbincang dan membangkitkan isu-isu statistik dalam analisis dan penggubalan dasar serta cabaran dalam pengumpulan dan komunikasi berkaitan statistik.

7 November 2012

Dalam ucaptama beliau di Persidangan Perbankan ASEAN Ke-19 tahun 2012 di Kuala Lumpur, bertajuk "ASEAN: Ke arah pasaran yang lebih bersepadu", Gabenor menyatakan mengenai peningkatan momentum yang amat penting untuk membentuk Masyarakat Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015, yang semakin hampir. Ini boleh dicapai terutamanya melalui integrasi kewangan yang lebih padu, perdagangan dalam rantau yang lebih meluas dan aliran pelaburan merentas sempadan dua hala yang lebih besar. Beliau turut menekankan mengenai peranan sektor perbankan sebagai pemacu utama integrasi kewangan yang lebih besar dalam teras sistem kewangan ASEAN.

8 November 2012

Dalam mesyuarat terakhirnya untuk tahun 2012, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00 peratus. Dalam penilaiannya, MPC berpandangan bahawa ekonomi global dijangka terus mencatat pertumbuhan yang perlahan ekoran ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan ekonomi maju. Meskipun permintaan luar negeri lebih lemah, pertumbuhan dalam ekonomi serantau terus disokong permintaan dalam negeri.

Bagi ekonomi Malaysia pula, MPC menyatakan bahawa aktiviti dalam negeri telah mengimbangi kelemahan dalam sektor luaran. Walaupun inflasi mungkin meningkat pada tahun 2013, peningkatan dijangka kekal sederhana memandangkan terdapat kapasiti lebihan dalam ekonomi dan harga tenaga dan komoditi dunia juga dijangka terkawal kerana keadaan global yang lemah. Walau bagaimanapun, risiko yang inflasi akan menjadi lebih tinggi mungkin timbul sekiranya gangguan bekalan mengakibatkan kenaikan harga komoditi dunia. Mesyuarat turut meluluskan jadual mesyuarat MPC untuk tahun 2013.

12 November 2012

Bank of Korea menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ketiga Kumpulan Rundingan Serantau Asia Lembaga Kestabilan Kewangan di Seoul, Korea yang dipengerusikan bersama oleh Gabenor Choongsoo Kim dari Bank of Korea dan Gabenor Zeti Akhtar Aziz dari Bank Negara Malaysia.

Kumpulan ini membincangkan implikasi jangka pendek dan jangka panjang daripada ketidakpastian yang berpanjangan dalam isu kerajaan dan sektor kewangan di Eropah dan Amerika Syarikat terhadap kestabilan kewangan dan infrastruktur kewangan di Asia. Turut dibincangkan ialah perkembangan berhubung dengan instrumen dasar kehematan makro dan cabaran berkaitan yang mungkin timbul daripada penggunaan instrumen berkenaan di Asia.

16 November 2012

Pada sidang akhbar KDNK suku ketiga 2012, Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% pada S3 2012 (S2 2012: 5.6%) dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar. Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan, didorong oleh prestasi penggunaan swasta serta pelaburan swasta dan awam yang menggalakkan. Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terus berkembang manakala sektor perkilangan lebih perlahan dan sektor perlombongan menguncup. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.4% pada suku ketiga (S2 12: 1.7%), mencerminkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan serta kategori pelbagai barang dan perkhidmatan.

11 Disember 2012

Dalam ucapan beliau di Persidangan Euromoney-Qatar yang bertajuk “Kestabilan Kewangan Global dan Pengantarabangsaan Sistem Kewangan dalam Ekonomi Sedang Pesat Membangun”, Gabenor menyatakan manfaat penting daripada pengantarabangsaan sistem kewangan dan pada masa yang sama menggariskan keperluan untuk mengurus risiko dan cabaran yang berkaitan dengannya.

Dalam peralihan kepada sistem kewangan yang lebih bersifat antarabangsa, beliau berkongsi pendekatan yang diambil oleh Malaysia secara beransur-ansur dan berperingkat. Ini bagi memastikan prasyarat yang diperlukan telah tersedia agar manfaat daripada peningkatan pengantarabangsaan boleh direalisasikan, sambil memastikan risiko yang wujud dalam ekonomi yang lebih terbuka dan sistem kewangan yang bersepadu pada peringkat antarabangsa dapat diuruskan dengan berkesan.

19 Disember 2012

Dalam ucapan beliau semasa Siri Syarahan Serantau Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) Mengenai Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Islam yang bertajuk “Kewangan dan Ekonomi Benar: Mengekalkan Kemampanan” di Jakarta, Indonesia, Gabenor menekankan bahawa hubungan antara pengantaraan kewangan dengan aktiviti ekonomi yang produktif telah semakin lemah dalam beberapa dekad yang lalu. Penyahkawalan, inovasi dan kadar faedah rendah dalam tempoh yang berpanjangan menggalakkan lagi kegiatan pengambilan risiko lantas mendorong kepada ketidakseimbangan kewangan yang membimbangkan.

Beliau menambah bahawa hal ini telah mendorong kepada pemikiran semula mengenai isu yang berkaitan dengan perniagaan kewangan dan modelnya, serta langkah pembaharuan pengawalseliaan yang pelbagai oleh masyarakat antarabangsa. Perhatian yang lebih telah diberikan kepada usaha membentuk rangka kerja dasar kehematan makro yang berkesan, yang boleh membendung lebihan dan mengukuhkan hubungan antara sektor kewangan dengan ekonomi benar. Akhir sekali, beliau menegaskan tentang peranan kewangan Islam yang semakin penting dalam menyumbang kepada agenda global untuk menjana pertumbuhan mampan yang ditegarkan dengan kukuh kepada ekonomi benar.

28 Disember 2012

Bank mengumumkan bahawa berkuat kuasa 1 Januari 2013, semua institusi perbankan perdagangan dikehendaki menerima pakai dokumen standard bagi perjanjian pinjaman perumahan konvensional dan perjanjian pembiayaan rumah bagi jumlah pokok sebanyak RM500,000 dan ke bawah. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan pemahaman peminjam dan kebolehbandingan terma dan syarat utama perjanjian pinjaman oleh peminjam, termasuk tanggungjawab dan obligasi peminjam dan pembiaya di bawah perjanjian tersebut.